



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2018

PENGURUSAN KEWANGAN  
KEMENTERIAN, JABATAN DAN  
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**





# LAPORAN

## KETUA AUDIT NEGARA

# 2018

PENGURUSAN KEWANGAN  
KEMENTERIAN, JABATAN DAN  
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN





# • KANDUNGAN



# KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	<b>ix</b>
<b>INTI SARI LAPORAN</b>	<b>xv</b>
<b>BAHAGIAN I</b>	
<b>PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) KEMENTERIAN, JABATAN DAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN</b>	
<b>1.</b> Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan	<b>3</b>
<b>2.</b> Pengauditan Mengejut	<b>88</b>
<b>BAHAGIAN II</b>	
<b>PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PENILAIAN KHAS BAGI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM</b>	
<b>3.</b> Penilaian Khas Terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi	<b>101</b>
<b>PENUTUP</b>	<b>105</b>
<b>AKRONIM</b>	<b>109</b>
<b>LAMPIRAN</b>	
LAMPIRAN A - Senarai Pusat Tanggungjawab (PTJ)/ Pusat Kos (PK) Yang Di Audit Di Bawah 15 Kementerian	<b>113</b>
LAMPIRAN B - Senarai Pejabat Yang Diaudit Di Bawah 27 Agensi Badan Berkanun Persekutuan	<b>115</b>





**KATA**

**PENDAHULUAN**



# KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti yang berikut:

**1.1. Pengauditan Penyata Kewangan** – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

**1.2. Pengauditan Pematuhan** – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

**1.3. Pengauditan Prestasi** – untuk menilai sama ada aktiviti/program/projek Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan; dan

**1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mencapai objektif penubuhannya.

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Kewangan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2018 mengandungi perkara berikut:

**Bahagian I : Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan**

**Bahagian II : Penglibatan Jabatan Audit Negara Dalam Penilaian Khas Bagi Meningkatkan Akauntabiliti Pengurusan Wang Awam**

**3.** Pengeauditan yang dijalankan terhadap pengurusan kewangan mendapati beberapa Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan masih tidak mematuhi peraturan kewangan dengan sepenuhnya. Kelemahan ini antaranya adalah disebabkan oleh kecuaiian dalam mematuhi peraturan/prosedur kewangan yang ditetapkan; kekurangan kakitangan dan latihan dalam aspek pengurusan kewangan serta ketiadaan penyeliaan dan pemantauan yang rapi.

**4.** Semua Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini untuk pengesahan mereka. Jabatan Audit Negara juga telah mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti yang berikut:

**4.1.** Melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (IA) berasaskan risiko bermula pada tahun 2018. Setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko iaitu Risiko Tinggi, Risiko Rendah dan Risiko Sederhana. Tahap risiko boleh berubah mengikut kekerapan ketidakpatuhan sampel. Analisis risiko dan impak yang dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Elemen yang dinilai bagi Kementerian dan Jabatan Persekutuan adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan. Manakala elemen yang dinilai bagi Badan Berkanun Persekutuan adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai *role model* kepada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang lain. Ini boleh meningkatkan lagi tahap motivasi Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan agar lebih gigih memperbaiki dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing.

**4.2.** Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas lain. Ketua Kementerian/Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menilai sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pengauditan secara mengejut di 57 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) dan di 51 pejabat Badan Berkanun Persekutuan (BBP) melibatkan 15 Kementerian dan 27 BBP.

**4.3.** Jabatan Audit Negara juga turut terlibat dalam membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan Ketua Jabatan yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) bagi tujuan pengesahan jawatan mereka. Pada tahun 2018, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan 27 Ketua Jabatan/Ketua Agensi. Penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pengukuhan pengurusan kewangan Kerajaan memandangkan urusan kenaikan pangkat Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan hanya akan dipertimbangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam setelah Jabatan Audit Negara dan Perbendaharaan Malaysia mengesahkan bahawa pegawai berkaitan telah mengambil tindakan pembetulan terhadap kelemahan pengurusan kewangan yang dibangkitkan.

**5.** Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan ini dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



**(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

**Putrajaya**

**24 Jun 2019**





# **INTI SARI LAPORAN**



## PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

### Pengurusan Kewangan Di Kementerian, Jabatan Dan Badan Berkanun Persekutuan

1. Pada tahun 2018, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 24 Kementerian, 17 Jabatan dan 13 Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit secara pusingan lima (5) tahun. Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kewangan mereka telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Pada tahun 2018, 16 Kementerian mencapai tahap **Cemerlang** dalam penilaian Indeks Akauntabiliti dan lapan (8) Kementerian mencapai tahap **Baik**. Prestasi pengurusan kewangan di 15 jabatan telah mencapai tahap **Cemerlang** dan dua (2) di tahap **Baik**. Manakala prestasi pengurusan kewangan di 13 Badan Berkanun Persekutuan (BBP) yang diaudit secara pusingan lima (5) tahun, menunjukkan tiga (3) berada pada tahap **Cemerlang**, empat (4) BBP pada tahap **Baik**, lima (5) BBP pada tahap **Memuaskan** dan satu (1) BBP pada tahap **Kurang Memuaskan**.

2. Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan Pengauditan Mengejut di 57 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) dan di 51 pejabat Badan Berkanun Persekutuan (BBP) melibatkan 15 Kementerian dan 27 BBP. Hasil daripada pengauditan ini mendapati berlakunya ketidakpatuhan terhadap kawalan terimaan; kawalan barang berharga; pengurusan kenderaan Kerajaan; kawalan perbelanjaan dan kawalan umum. Laporan yang berkaitan telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan peringkat Ibu Pejabat dan Negeri yang berkenaan untuk tindakan susulan.

3. Selain daripada menjalankan pengauditan bagi memenuhi kehendak undang-undang, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan Ketua Jabatan yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Bagi tahun 2018, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan Ketua Jabatan/Ketua Agensi yang melibatkan 27 Ketua Jabatan/Ketua Agensi.



# 1

## • **BAHAGIAN I**

- **PENGURUSAN KEWANGAN  
KEMENTERIAN, JABATAN  
DAN BADAN BERKANUN  
PERSEKUTUAN**



# PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) KEMENTERIAN, JABATAN DAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

## 1. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

### 1.1. PENDAHULUAN

1.1.1. Pengurusan kewangan merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan, pemantauan dan penilaian. Proses ini perlu dilaksanakan berdasarkan dua (2) prinsip utama, iaitu legaliti dan akauntabiliti kewangan. Ini bermaksud seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sumber awam perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi dan mematuhi segala undang-undang serta peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaiannya kepada pegawai yang mewakili kuasa.

1.1.2. Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan Seksyen 5 dan 6, Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara menilai prestasi pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit dan memberi syor bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

1.1.3. Pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama diberikan markah bagi tujuan penarafan. Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang mendapat tahap penarafan yang Cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti **Jadual 1.1**.

**JADUAL 1.1**  
**PEMARKAHAN TAHAP PENARAFAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang	
80 hingga 89.9	Baik	
70 hingga 79.9	Memuaskan	
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 1.1.4. Penetapan Risiko Terhadap Kriteria Audit

- a. Risiko adalah kebarangkalian berlakunya beberapa perkara yang tidak sepatutnya atau ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan yang memberi impak kepada pengurusan kewangan. Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan.
- b. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Skala pemarkahan bagi setiap kriteria yang diaudit telah dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko, seperti **Jadual 1.2**.

**JADUAL 1.2**  
**SKALA TAHAP RISIKO**

SKALA	TAHAP RISIKO	KETERANGAN
<b>3</b>	Tinggi	Ketidakpatuhan yang memberi impak besar kepada kawalan dalaman organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran, kehilangan dan penyelewengan.
<b>2</b>	Sederhana	Ketidakpatuhan yang memberi impak sederhana kepada pengurusan kewangan dan boleh menjejaskan operasi organisasi dalam jangka panjang.
<b>1</b>	Rendah	Ketidakpatuhan yang memberi impak kecil kepada pengurusan kewangan dan tidak menjejaskan operasi organisasi.

Sumber: Jabatan Audit Negara

## **1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

- 1.2.1. Menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 1.2.2. Menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;
- 1.2.3. Menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 1.2.4. Menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

## **1.3. SKOP PENGAUDITAN**

1.3.1. Bagi Kementerian/Jabatan Persekutuan, semakan Audit merangkumi lapan (8) elemen utama, iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari hingga Disember 2018 melibatkan 24 Kementerian dan 17 Jabatan Persekutuan.

1.3.2. Bagi Badan Berkanun Persekutuan (BBP), penilaian dibuat terhadap sembilan (9) elemen utama, iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Pengauditan telah dijalankan di 13 BBP dengan menyemak transaksi bagi tahun 2018 dan penyata kewangan BBP bagi tahun 2017.

## **1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

1.4.1. Pengauditan dijalankan berdasarkan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berasaskan Risiko dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*.

1.4.2. Pemeriksaan rekod dan dokumen kewangan, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh untuk memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit.

## 1.5. PENEMUAN AUDIT

### 1.5.1. Prestasi Kementerian

**1.5.1.1.** Mulai 2 Julai 2018, tujuh (7) Kementerian telah disusun dan dinamakan semula iaitu Kementerian Industri Utama (MPI), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penyusunan Kementerian tersebut melibatkan KPM yang digabungkan dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT); KATS merupakan nama baru bagi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) yang mengambil alih sebahagian fungsi Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) serta MESTECC merupakan nama baru bagi Kementerian Sains, Inovasi dan Teknologi (MOSTI) yang turut mengambil alih sebahagian lagi fungsi KeTTHA dan NRE. Sehubungan itu, tiga (3) Kementerian tersebut iaitu KeTTHA, NRE dan MOSTI telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan ke Kementerian yang berkenaan.

**1.5.1.2.** Dua (2) Kementerian baru telah ditubuhkan iaitu Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan Kementerian Pembangunan Usahawan (MED). Bagi tahun 2018, pengauditan terhadap MEA telah dilaksanakan kerana telah dinaik taraf daripada Jabatan Persekutuan. Manakala pengauditan terhadap MED tidak dilaksanakan berikutan tempoh operasinya tidak mencukupi 12 bulan. Senarai Kementerian yang diaudit adalah seperti **Jadual 1.3**.


**JADUAL 1.3**  
**SENARAI KEMENTERIAN YANG DIAUDIT**

BIL.	KEMENTERIAN	
	TAHUN 2017	TAHUN 2018
1.	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Jabatan Perdana Menteri (JPM)
2.	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
3.	Kementerian Luar Negeri (KLN)	Kementerian Luar Negeri (KLN)
4.	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)	Kementerian Industri Utama (MPI)
5.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)
6.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)	Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)
7.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
8.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNHEP)	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
9.	Kementerian Kerja Raya (KKR)	Kementerian Kerja Raya (KKR)
10.	Kementerian Pengangkutan (MOT)	Kementerian Pengangkutan (MOT)
11.	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC)	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)
12.	Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)	Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)
13.	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
14.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
15.	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
16.	Kementerian Sumber Manusia (KSM)	Kementerian Sumber Manusia (MOHR)
17.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)
18.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)
19.	Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)	Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)
20.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Kementerian Dalam Negeri (KDN)
21.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
22.	Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	
23.	Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI)	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC),
24.	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)	
25.	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)	
26.	-	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)

Sumber: Jabatan Audit Negara

**1.5.1.3.** Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 24 Kementerian bagi tahun 2018 menunjukkan **16 Kementerian** mencapai tahap **Cemerlang** dan **lapan (8) Kementerian** berada pada tahap **Baik**. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian secara keseluruhan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.1**.


**CARTA 1.1**  
**PERBANDINGAN PRESTASI PENGURUSAN**  
**KEWANGAN KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2018 DAN 2017**



Sumber: Jabatan Audit Negara

**1.5.1.4.** Tahap prestasi pengurusan kewangan bagi Kementerian yang dinilai pada tahun 2018 dan 2017 adalah seperti **Carta 1.2**.

**CARTA 1.2**  
**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2018 DAN 2017**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ 2018    ■ 2017

### 1.5.1.5. Prestasi Kementerian Mengikut Kawalan

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2018 mengikut lapan (8) elemen bagi 24 Kementerian mendapati lima (5) elemen berada pada tahap **Cemerlang** dan tiga (3) elemen berada pada tahap **Baik**. Perbandingan tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut lapan (8) elemen bagi Kementerian yang dinilai pada tahun 2018 dan 2017 adalah seperti **Carta 1.3**.

**CARTA 1.3**  
**PERBANDINGAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**  
**KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2018 DAN 2017 MENGIKUT ELEMEN**




Sumber: Jabatan Audit Negara

#### a. Kawalan Pengurusan

- i. Secara keseluruhannya, sebanyak **15** Kementerian mencapai tahap **Cemerlang**, **lapan (8)** Kementerian berada pada tahap **Baik** dan **satu (1)** Kementerian berada pada tahap **Memuaskan** dalam Kawalan Pengurusan. Pencapaian Kementerian dalam Kawalan Pengurusan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.4**.


**CARTA 1.4  
TAHAP PRESTASI KAWALAN PENGURUSAN KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2018**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan

- ii. Secara umumnya, sebanyak 22 daripada 27 kriteria telah dipatuhi oleh Kementerian dalam Kawalan Pengurusan. Bagaimanapun, berlaku ketidakpatuhan terhadap tiga (3) kriteria yang berisiko tinggi, satu (1) kriteria yang berisiko sederhana dan satu (1) kriteria berisiko rendah. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 27 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi 24 Kementerian adalah seperti **Carta 1.5**.

**CARTA 1.5**  
**TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO DALAM KAWALAN PENGURUSAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Kawalan Pengurusan adalah seperti **Jadual 1.4**.

**JADUAL 1.4**  
**PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PENGURUSAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN TERLIBAT
1.	Mesyuarat JTPK/JPKA tidak/lewat diadakan mengikut tempoh ditetapkan.	MOA, MOF, MINDEF, KPLB, MOT dan MOTAC
2.	Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam tidak/lewat dihantar kepada Urus Setia Tatatertib mengikut tempoh yang ditetapkan.	MINDEF, KLN, KKR, MITI, MEA dan MPI
3.	Pemeriksaan Dalaman tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik (AP308).	MOA, KPM, MINDEF, MOF, KKM, KLN, KKMM dan MITI
4.	Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali (AP309).	JPM, KPM, MOA, KLN, MOT, KATS dan MOF
5.	Pemeriksaan Mengejut tidak menyeluruh meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga.	MINDEF, KWP, KKM, KPLB, MOT, KSM, KKMM, MOTAC, KPM dan MPI

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- Arahan Perbendaharaan (AP) 308 menetapkan bahawa Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan, selain daripada menjalankan penyeliaan biasa urusan pejabat tiap-tiap hari dan pemeriksaan mengejut wang tunai dan barang-barang berharga yang dinyatakan dalam AP 309, hendaklah dari semasa ke semasa menjalankan atau melantik pegawai lain untuk menjalankan pemeriksaan mengejut atas sebahagian atau keseluruhan kewajipan


kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan Aset Awam) yang dilakukan oleh pegawai-pegawai di bawah kawalannya, bagi maksud mengetahui sama ada prosedur-prosedur yang betul difahami dengan sepatutnya dan sentiasa diikuti. **Sebanyak enam (6) Kementerian tidak menjalankan/tiada bukti pemeriksaan mengejut atas kewajipan kewangan atau perakaunan dilaksanakan sepanjang tahun 2018 iaitu MOA, MINDEF, KKMM, KPM, KLN dan MITI. Selain itu, pemeriksaan dalaman di KKM dan MOF dilaksanakan oleh pegawai yang tidak dilantik.**

- Mengikut AP 309, Ketua Jabatan hendaklah mengadakan Pemeriksaan Mengejut secara berkala dan tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh terakhir pemeriksaan itu dijalankan ke atas peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain untuk menyimpan wang awam dan barang berharga. **Sebanyak lima (5) Kementerian tidak menjalankan pemeriksaan mengejut mengikut tempoh yang ditetapkan, iaitu JPM, MOA, MOT, KPM dan KLN. Manakala, dua (2) kementerian tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan, iaitu MOF dan KATS. Selain itu, tiada bukti menunjukkan pemeriksaan mengejut dibuat ke atas Mesin Franking/Terminal Tambah Nilai (*Touch N Go*)/setem yang dikategorikan sebagai barang berharga di MOT, KPM, KKMM dan MINDEF.**

## **b. Kawalan Bajet**

- i. Secara keseluruhannya, sebanyak **14** Kementerian telah mencapai tahap **Cemerlang, lapan (8)** Kementerian berada pada tahap **Baik** dan **dua (2)** Kementerian berada pada tahap **Memuaskan** dalam Kawalan Bajet. Pencapaian Kementerian dalam Kawalan Bajet bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.6**.


**CARTA 1.6  
TAHAP PRESTASI KAWALAN BAJET KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2018**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan

- ii. Secara umumnya, 22 daripada 25 kriteria telah dipatuhi oleh Kementerian dalam Kawalan Bajet. Bagaimanapun, berlaku ketidakpatuhan terhadap dua (2) kriteria yang berisiko tinggi dan satu (1) kriteria yang berisiko sederhana. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Kawalan Bajet bagi 24 Kementerian adalah seperti **Carta 1.7**.

**CARTA 1.7  
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO DALAM KAWALAN BAJET**



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Kawalan Bajet adalah seperti **Jadual 1.5**.

**JADUAL 1.5  
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN BAJET**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN TERLIBAT
1.	Maklumat kewangan dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) tidak dikemas kini.	KPM, MITI, KKM, KPKT, JPM, MOTAC, MOF, KPLB, KDN, KWP dan KATS
2.	Laporan Bajet Program dan Prestasi tahun kewangan diaudit tidak dikemukakan kepada Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan Malaysia mengikut tarikh ditetapkan.	KPM, MOTAC, KWPKM dan KPLB
3.	Tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan tidak mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.	KKR, KATS, KKMM dan KBS
4.	Pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan tidak mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.	KATS, KBS dan KKMM
5.	Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai Bulanan yang disahkan Pegawai Pengawal dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia sebelum 15 hari bulan setiap permulaan suku tahun (Januari, April, Julai dan Oktober).	KPM, MEA, KPWKM dan KLN

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Isu yang perlu diberi perhatian adalah tiada kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia terhadap pindah peruntukan pembangunan di empat (4) Kementerian seperti **Jadual 1.6**.

**JADUAL 1.6**  
**PENEMUAN AUDIT TERHADAP PENGURUSAN PERUNTUKAN**


KEMENTERIAN	PENEMUAN AUDIT
KKR	Tambahkan kepada butiran projek Pembinaan Jalan dan Jambatan (Projek Baru) yang telah dikurangkan berjumlah RM8.40 juta hanya diluluskan oleh Pegawai Pengawal dan tidak mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia.
KKMM	Satu (1) transaksi pindah peruntukan berjumlah RM5 juta melibatkan tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan bagi satu (1) Projek (BP P47020141050001) serta enam (6) transaksi pindah peruntukan berjumlah RM9.49 juta bagi tujuan pengurangan kepada butiran yang telah ditambah hanya mendapat kelulusan Pegawai Pengawal dan bukannya Kementerian Kewangan Malaysia.
KATS	Empat (4) waran pindah peruntukan melibatkan empat (4) Butiran Projek (BP13900, BP15100, BP15200 dan BP16700) berjumlah RM11.96 juta yang melibatkan tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan tidak mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia. Manakala lima (5) waran pindah peruntukan melibatkan lima (5) Butiran Projek (BP13400, BP13500, BP13600, BP14100 dan BP15300) berjumlah RM20 juta bagi tujuan pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan tidak mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia.
KBS	Tiga (3) waran pindah peruntukan (tambahan) bagi Projek Penyelenggaraan Kompleks dan Kemudahan Sukan Negeri-Negeri (BP02301) berjumlah RM6.14 juta dan dua (2) waran pindah peruntukan (pengurangan) bagi Projek Gelanggang Sukan (BP02400) tidak mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia terlebih dahulu. Permohonan kelulusan pindah peruntukan hanya dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia pada 22 Oktober 2018.

Sumber: Jabatan Audit Negara

### c. Kawalan Terimaan

- i. Secara keseluruhannya, sebanyak **17** Kementerian mencapai tahap **Cemerlang**, **tiga (3)** Kementerian berada pada tahap **Baik**, **tiga (3)** Kementerian berada pada tahap **Memuaskan** dan **satu (1)** Kementerian mencapai tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian Kementerian dari aspek Kawalan Terimaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.8**.

**CARTA 1.8**  
**TAHAP PRESTASI KAWALAN TERIMAAN KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Tidak Memuaskan

- ii. Secara umumnya, sebanyak 30 daripada 36 kriteria telah dipatuhi oleh Kementerian dalam Kawalan Terimaan. Bagaimanapun, berlaku ketidakpatuhan terhadap lima (5) kriteria berisiko tinggi dan satu (1) kriteria berisiko sederhana. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi 24 Kementerian adalah seperti **Carta 1.9**.

**CARTA 1.9**  
**TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO DALAM KAWALAN TERIMAAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Kawalan Terimaan adalah seperti **Jadual 1.7**.

**JADUAL 1.7**  
**PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN TERIMAAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN TERLIBAT
1.	Resit tidak disediakan pada hari yang sama dan dihantar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya.	MOA, KKR, MOT, KPM, MOF, KBS dan MINDEF
2.	Daftar Mel/Laporan Mel tidak disemak setiap hari dengan Buku Tunai/Buku Tunai Elektronik iGFMS oleh Pegawai Penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas.	MOA, MINDEF, KDN, MOT, KKR, MITI dan MPI
3.	Resit Rasmi dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa secara bertulis.	MOA, KKR dan MOF
4.	Tiada bukti pegawai yang bertanggungjawab menyemak Buku Tunai dengan resit rasmi setiap hari.	MOA, KPM, MOT, MITI, KKR, MPI dan MOF
5.	Proses pungutan tidak dibuat dengan segera dan teratur iaitu pungutan lewat dibankkan/penyata pemungut lewat disediakan/penyata penyesuaian hasil tidak disediakan bagi yang terdapat perbezaan/tiada tanda tangan pelulus II selepas kemasukan ke bank.	MOA, MINDEF, MOT, MOF, KPM, KPKT dan KATS

Sumber: Jabatan Audit Negara


- iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian adalah seperti berikut:
- AP 60(ii) menetapkan Resit Rasmi mestilah dikeluarkan pada masa urusan dibuat dan jika seseorang pembayar hadir sendiri, resit rasmi itu mestilah diserahkan kepadanya. Apabila wang awam diterima melalui pos atau penghantar, resit rasmi baginya mestilah disediakan pada hari itu juga dan dihantar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya. **Sebanyak 65 resit bernilai RM411,898 melibatkan tujuh (7) Kementerian telah lewat disediakan dan dihantar kepada penerima antara tiga (3) hingga 71 hari.**

- AP 62(b) menyatakan resit rasmi hanya boleh dibatalkan oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis. **Sebanyak 68 resit bernilai RM5.08 juta melibatkan lima (5) Kementerian telah dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa secara bertulis yang boleh menyebabkan penyelewengan boleh berlaku dan ketirisan wang awam.**

#### d. Pengurusan Perolehan

- Secara keseluruhannya, sebanyak **20** Kementerian mencapai tahap **Cemerlang** dan **empat (4)** Kementerian berada pada tahap **Baik** dalam Pengurusan Perolehan. Pencapaian Kementerian dalam Pengurusan Perolehan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.10**.


**CARTA 1.10**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN PEROLEHAN KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2018**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
■ Cemerlang    ■ Baik

- ii. Secara umumnya, sebanyak 33 daripada 39 kriteria telah dipatuhi oleh Kementerian dalam Pengurusan Perolehan. Bagaimanapun, berlaku ketidakpatuhan terhadap empat (4) kriteria berisiko tinggi, satu (1) kriteria berisiko sederhana dan satu (1) kriteria berisiko rendah. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi 24 Kementerian adalah seperti **Carta 1.11**.

**CARTA 1.11**  
**TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Pengurusan Perolehan adalah seperti **Jadual 1.8**.

**JADUAL 1.8**  
**PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN TERLIBAT
1.	Kontrak lewat ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima.	KPM, KDN, KKM, KPWK, JPM, MITI, MOA, KBS, MOF, KLN dan MOT
2.	Tidak semua kategori perolehan didaftarkan di dalam GPIS adalah kemas kini dan sah.	KPM, MPI, KKM, MITI, JPM, KPKT, MOA, MOHR, MESTECC dan KPLB
3.	Pembelian terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/perkhidmatan melebihi RM20,000 setahun.	KPM, MOT, KKMM, MINDEF, KATS, MITI, KPKT, KLN dan MOHR
4.	Jawatankuasa Sebut Harga, Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga tidak dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Bahagian.	KPM, MOA, MOT, MINDEF, MITI, KPKT dan MOHR
5.	Surat Setuju Terima bagi Rundingan Terus lewat dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan selepas kelulusan Kementerian Kewangan atau Lembaga Perolehan Agensi.	KPM, KKM, MOA, MOF, MOT, KPLB dan KWP

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- **Kontrak Lewat Ditandatangani**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - PK 4.2, Perenggan 4.8 menetapkan bagi semua perolehan bermasa sama ada bekalan, perkhidmatan atau kerja tidak kira nilainya, hendaklah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST). Seterusnya, ia hendaklah disusuli dengan dokumen kontrak komprehensif dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangani balas oleh syarikat.

**Sebanyak 37 kontrak berjumlah RM1.10 bilion bagi 11 Kementerian telah lewat ditandatangani antara satu (1) hingga lapan (8) bulan selepas tempoh empat (4) bulan SST dikeluarkan.** Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.9**.

**JADUAL 1.9  
KONTRAK LEWAT DITANDATANGAN**

KEMENTERIAN	BILANGAN KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN (Bulan)
MOA	5	926.05	7 - 8
MOT	6	95.47	1 - 4
KBS	5	36.87	1 - 6
KPM	4	20.93	2 - 4
MOF	5	17.95	1 - 5
KKM	3	3.02	1
JPM	4	2.35	1 - 3
KLN	2	1.49	4 - 5
KPWKM	1	0.06	5
MITI	1	0.04	1
KDN	1	0.02	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>37</b>	<b>1,104.25</b>	

Sumber: SST dan Dokumen Kontrak Kementerian Berkenaan

- **Pecah Kecil Perolehan**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - PK 2 mentafsirkan pembelian terus sebagai perolehan bekalan/perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 atau sesuatu kontrak. Setiap jenis item ditafsirkan sebagai sesuatu barangan/perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama dan/atau boleh diperolehi daripada satu punca bekalan serta perolehan tersebut boleh dirancang. Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan

bernilai melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun perlu dilaksanakan melalui Jawatankuasa Sebut Harga B. Manakala bagi perolehan melebihi RM50,000 hingga RM500,000 setahun perolehan dilaksanakan melalui Jawatankuasa Sebut Harga A. Agensi adalah dilarang memecah kecil perolehan tahunan untuk mengelak daripada pelawaan secara sebut harga dan tender.

**Sebanyak sembilan (9) Kementerian membuat perolehan secara pembelian terus melebihi had yang dibenarkan berjumlah RM0.64 juta dan dua (2) Kementerian membuat perolehan secara Sebut Harga B berjumlah RM0.33 juta yang sepatutnya dilaksanakan secara Sebut Harga A.** Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.10**.

**JADUAL 1.10  
PECAH KECIL PEROLEHAN**

KEMENTERIAN	BIL. ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)	PERIHAL
<b>PEMBELIAN TERUS</b>			
MINDEF	3	51,400.00	Bekalan <i>Folder</i> Sijil
	2	39,615.00	Bekalan Plak
	2	38,435.84	Bekalan Kotak Arkib
	2	21,500.00	Bekalan <i>Signage</i> Tandas
	2	25,200.00	Perkhidmatan Menjahit Sarung Kerusi dan Meja <i>Banquet</i>
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>11</b>	<b>176,150.84</b>	
KPM	10	96,538.56	Bekalan Kertas Warna, <i>Folder</i> Sijil dan Alat Tulis
	2	32,173.37	Perkhidmatan Penyelenggaraan Mesin-Mesin Pejabat
	3	20,212.99	Perkhidmatan Pemasangan dan Membuka Bendera Jalur Gemilang
	3	20,891.52	Membekal Alat Ganti Untuk Kegunaan Unit Selenggara
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>18</b>	<b>169,816.44</b>	
KATS	2	37,733.70	Perkhidmatan Senggara Peralatan ICT (Komputer)
	2	39,750.00	Perkhidmatan Persetakan Buku
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>4</b>	<b>77,483.70</b>	
KPKT	9	37,688.89	Perolehan Membuat Iklan Tender (Perekaan Dan Penulisan) Melalui Agensi Pengiklanan
	3	33,747.00	Bekalan Alat Ganti Aset ICT
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>12</b>	<b>71,435.89</b>	
KKMM	2	39,976.00	Perkhidmatan Sewaan Skrin LED dan Konfigurasi
MOT	5	29,400.00	Bekalan Kertas Sijil, <i>Folder</i> Sijil dan <i>Folder</i> Kursus
KLN	2	24,651.20	Perolehan Peralatan Untuk Suntingan dan <i>Video Editing</i>
MOHR	2	24,480.00	Bayaran Mencetak <i>Lanyard</i> , Barang Promosi dan Buku Program Majlis Pecah Tanah ILP Serian
MITI	2	22,982.66	Bekalan <i>Toner Fax</i> dan <i>Printer</i>
<b>JUMLAH</b>	<b>58</b>	<b>636,376.73</b>	

KEMENTERIAN	BIL. ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)	PERIHAL
<b>SEBUT HARGA</b>			
MINDEF	3	91,250.00	Pembelian Aksesori Pedang
	7	154,783.00	Perkhidmatan Sewa Bas
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>10</b>	<b>246,033.00</b>	
KPKT	2	83,205.60	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Blue Valley, Cameron Highlands
<b>JUMLAH</b>	<b>12</b>	<b>329,238.60</b>	

Sumber: Arahan Pembayaran Kementerian

- **Tiada Lantikan Terhadap Ahli Jawatankuasa Perolehan**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - PK 2.1 menetapkan pelantikan ahli Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan Penilaian Sebut Harga hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan sebut harga. Pegawai Pengawal hendaklah melantik semua ahli Jawatankuasa Sebut Harga secara bertulis bagi Kementerian/Jabatan Persekutuan. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK - 5.1 juga menetapkan surat pelantikan kepada ahli jawatankuasa perlu disediakan dan diserahkan secara manual.

**Sebanyak 12 sebut harga bagi tahun 2018 bernilai RM603,943 di empat (4) Kementerian telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa tertentu yang tidak dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Bahagian seperti Jadual 1.11.**

**JADUAL 1.11**  
**AHLI JAWATANKUASA PEROLEHAN YANG TIDAK DILANTIK**


KEMENTERIAN	BIL. SEBUT HARGA	NILAI SEBUT HARGA (RM)	AHLI JAWATANKUASA YANG TIDAK DILANTIK
KPM	3	211,963	Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga B
			Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
			Jawatankuasa Penilaian Teknikal
			Jawatankuasa Sebut Harga
MOA	2	48,050	Jawatankuasa Sebut Harga B
MOT	1	105,320	Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan
MINDEF	6	238,610	Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga B
			Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
			Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>12</b>	<b>603,943</b>	

Sumber: Surat Pelantikan Jawatankuasa Perolehan

## e. Kawalan Perbelanjaan

- i. Secara keseluruhannya, sebanyak **13** Kementerian mencapai tahap **Cemerlang**, **sembilan (9)** Kementerian berada pada tahap **Baik** dan **dua (2)** Kementerian berada pada tahap **Memuaskan** dalam Kawalan Perbelanjaan. Pencapaian Kementerian dalam Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.12**.

**CARTA 1.12**  
**TAHAP PRESTASI KAWALAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan

- ii. Secara umumnya, sebanyak 17 daripada 21 kriteria telah dipatuhi oleh Kementerian dalam Kawalan Perbelanjaan. Bagaimanapun, berlaku ketidakpatuhan terhadap tiga (3) kriteria yang berisiko tinggi dan satu (1) kriteria yang berisiko sederhana. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 21 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi 24 Kementerian adalah seperti **Carta 1.13**.

**CARTA 1.13  
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO DALAM KAWALAN PERBELANJAAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Kawalan Perbelanjaan adalah seperti **Jadual 1.12**.

**JADUAL 1.12  
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN TERLIBAT
1.	Proses bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. Dokumen sokongan tidak lengkap, melebihi tempoh 14 hari, dibayar kepada penerima yang tidak sah, kod objek tidak tepat dan baucar bayaran serta dokumen tidak dibuk/cop TELAH DIBAYAR.	KPM, JPM, KKR, MOA, MOF, MOT, KKMM, KDN, KWP, MESTECC, KPWK, KATS, MPI, MITI, KBS, KPKT, KLN, MOHR, MOTAC dan KPLB
2.	Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan.	KPM, KKM, MOF, MOT, MINDEF, KATS, KBS dan KPLB
3.	Tiada bukti Laporan Pukal (BP21) disemak dengan bil asal.	MOA, MOF, MESTECC, KPWK dan KPKT
4.	Terdapat pembayaran di bawah AP59.	MOA, KKM, KKMM, KPWK, KPLB dan MINDEF
5.	Laporan siasatan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melebihi tempoh 60 hari.	KKR, MOA dan KKMM

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- **MITI – Program *Industry 4.0 Readiness* Audit kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)**


AP 99 menyatakan semua bucar atau bucar elektronik hendaklah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap mengenai tiap-tiap satu perkhidmatan, bekalan atau kerja seperti tarikh, nombor, kualiti, kiraan jauhnya dan kadar untuk membolehkan ia disemak tanpa merujuk kepada apa-apa dokumen selain daripada yang dikembalikan kepadanya.

**Sebanyak dua (2) Arahan Pembayaran bernilai RM2 juta untuk pembayaran Program *Industry 4.0 Readiness* Audit kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi tahun 2018 dibuat berdasarkan invois pembekal tanpa sebarang dokumen sokongan dan kontrak antara pihak MITI dan MPC serta pihak MPC dan pembekal.**

**f. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit**

i. Secara keseluruhannya, sebanyak **18** Kementerian mencapai tahap **Cemerlang**, **lima (5)** Kementerian berada pada tahap **Baik** dan **satu (1)** Kementerian berada pada tahap **Memuaskan** dalam elemen Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit. Pencapaian Kementerian dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.14**.

**CARTA 1.14  
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KUMPULAN WANG/  
AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan

- ii. Secara umumnya, sebanyak 20 daripada 22 kriteria telah dipatuhi oleh Kementerian dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit. Bagaimanapun, berlaku ketidakpatuhan terhadap satu (1) kriteria yang berisiko tinggi dan satu (1) kriteria yang berisiko sederhana. Tahap pematuhan berdasarkan risiko terhadap 22 kriteria bagi 24 Kementerian adalah seperti **Carta 1.15**.

**CARTA 1.15  
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO  
DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit adalah seperti **Jadual 1.13**.

**JADUAL 1.13  
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN  
KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN TERLIBAT
1.	Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan (serta tidak diperlukan) tidak diwartakan.	KPM, KLN, KKR, KPLB dan MINDEF
2.	Deposit tidak diakaunkan mengikut jenis deposit yang diterima.	KKM, KLN dan MOT
3.	Penyata Terimaan dan Bayaran (PTB) tidak dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara mengikut Surat Arahan Akaun Amanah/Surat Ikatan Amanah sebelum atau pada 31 Mac tahun kewangan berikutnya.	KKR dan MOF
4.	Bayaran balik dan pelarasan terhadap Pendahuluan Pelbagai tidak dibuat mengikut tempoh ditetapkan.	JPM dan MOF
5.	Denda/Surcaj terhadap Pendahuluan Pelbagai tidak dikenakan kepada Pegawai yang bertanggungjawab.	JPM dan MOF

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- **Deposit Yang Tidak Dituntut Melebihi 12 Bulan Dari Tarikh Deposit Boleh Dikembalikan (Serta Tidak Diperlukan) Tidak Diwartakan**

AP 162 menyatakan deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diwartakan

dalam Warta Kerajaan. Jika deposit tersebut masih tidak dituntut dalam masa tiga (3) bulan selepas pewartaan, ia hendaklah dikreditkan kepada hasil. Pegawai penjaga akaun bertanggungjawab menentukan bahawa pemberitahuan itu diwartakan.

**Sebanyak 297 deposit berjumlah RM73.77 juta telah tamat tempoh pegangan pada tahun 2002 hingga 2017 tetapi masih belum diwartakan. Penemuan ini melibatkan enam (6) Kementerian iaitu KPM, KPLB, MINDEF, KKR, KLN dan MOTAC. Butiran lanjut berkaitan dengan tunggakan deposit yang masih belum diwartakan adalah seperti Jadual 1.14.**

**JADUAL 1.14  
DEPOSIT YANG MASIH BELUM DIWARTAKAN**


BIL.	KEMENTERIAN	BILANGAN DEPOSIT	JUMLAH (RM)	TAMAT TEMPOH PEGANGAN
1.	KPM	253	60,433,813.44	2002 - 2017
2.	KPLB	12	7,351,704.42	2011 - 2017
3.	MINDEF	23	5,921,637.96	2016 - 2017
4.	KKR	6	30,000.00	2016 - 2017
5.	KLN	2	19,004.60	2016 - 2017
6.	MOTAC	1	8,697.50	2017
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>297</b>	<b>73,765,857.92</b>	

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### **g. Pengurusan Aset dan Stor**

- i. Secara keseluruhannya, sebanyak **11** Kementerian mencapai tahap **Cemerlang**, **10** Kementerian berada pada tahap **Baik** dan **tiga (3)** Kementerian berada pada tahap **Memuaskan** dalam Pengurusan Aset dan Stor. Pencapaian Kementerian dari aspek Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.16**.


**CARTA 1.16**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN ASET DAN STOR KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2018**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Cemerlang Baik Memuaskan

- ii. Secara umumnya, sebanyak 72 daripada 86 kriteria telah dipatuhi oleh Kementerian dalam Pengurusan Aset dan Stor. Bagaimanapun, berlaku ketidakpatuhan terhadap lapan (8) kriteria yang berisiko tinggi, lima (5) kriteria berisiko sederhana dan satu (1) kriteria yang berisiko rendah. Tahap pematuhan berdasarkan risiko terhadap 86 kriteria dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi 24 Kementerian adalah seperti **Carta 1.17**.

**CARTA 1.17**  
**TAHAP PEMATUHAN DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti **Jadual 1.15**.

**JADUAL 1.15**  
**PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN TERLIBAT
1.	Senarai Aset Alih (KEW.PA-7) tidak disediakan/dikemas kini dengan satu salinan disimpan oleh Pegawai Aset dan satu salinan dipamerkan di lokasi.	KKM, JPM, KKR, MOF, MOT, KKMM, KDN, MINDEF, KPWK, KATS, MPI, KPNDHEP, KBS, MOHR, MOTAC, KPLB, KWP dan MEA
2.	Harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak didaftarkan dengan lengkap dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan.	KPM, KKR, MOA, KKMM, KDN, MINDEF, KATS, MPI, MITI, KBS, KLN dan KWP
3.	PTJ tidak mempunyai Pegawai Penerima (PP) yang diberi tanggungjawab untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima.	KPM, JPM, KKR, MOA, KPLB, MINDEF dan KLN
4.	Pemeriksaan aset tidak dibuat 100%.	KPM, JPM, KKR, MINDEF, MESTECC, KPWK, KLN, MOHR, KPLB dan KWP
5.	Pinjaman dan Pergerakan Aset Alih tidak direkod menggunakan Borang Permohonan Pinjaman dan Pergerakan Aset Alih (KEW.PA-9).	KKM, KKR, MOA, MINDEF, MOT, KLN, KPWK dan KWP


Sumber: Jabatan Audit Negara

#### h. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

- i. Secara keseluruhannya, sebanyak **enam (6)** Kementerian telah mencapai tahap **Cemerlang**, **sembilan (9)** Kementerian berada pada tahap **Baik**, **lima (5)** Kementerian berada pada tahap **Memuaskan** dan **empat (4)** Kementerian berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dalam elemen Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Pencapaian dalam aspek

Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.18**.

**CARTA 1.18**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN**  
**KENDERAAN KERAJAAN KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang Memuaskan

- ii. Secara umumnya, 26 daripada 35 kriteria telah dipatuhi oleh Kementerian dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Bagaimanapun, berlaku ketidakpatuhan melibatkan lima (5) kriteria berisiko tinggi, tiga (3) kriteria berisiko sederhana dan satu (1) kriteria berisiko rendah. Tahap pematuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi 24 Kementerian adalah seperti **Carta 1.19**.

**CARTA 1.19  
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO  
DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan adalah seperti **Jadual 1.16**.

**JADUAL 1.16  
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN TERLIBAT
1.	Buku Log Kenderaan Jabatan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	KPM, JPM, MOA, MOF, MOT, KKMM, MINDEF, KATS, MPI, KPDNHEP, MITI, KBS, KLN, MOTAC, KPLB dan MEA
2.	Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.	KKM, JPM, MOA, MOF, MOT, KKMM, KDN, MINDEF, KATS, MPI, MITI, KPKT, KLN, MOHR dan MEA
3.	Penyelesaian saman tertunggak tidak diberi peringatan bertulis oleh Ketua Jabatan.	KPM, MOF, MOA, MINDEF, KKMM, KPDNHEP, MPI, KBS, MITI, KLN, MOTAC, MEA dan KKM
4.	Tindakan susulan terhadap penyelesaian saman tertunggak tidak dilaksanakan setelah peringatan bertulis diberi dalam tempoh sebulan.	MOA, MOF, MOT, KKMM, KDN, MINDEF, KPDNHEP, MPI, KLN, MITI dan MOTAC
5.	Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	KKM, MOT, KDN, KKMM, MINDEF, KATS, MPI, MITI, MOHR, KLN, MEA dan KPLB

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- **Penyelenggaraan Buku Log Kenderaan**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - WP4.1 telah menetapkan bahawa setiap kenderaan Kerajaan hendaklah dibekalkan dengan Buku Log bagi tujuan mengawal dan memantau penggunaan kenderaan. Buku Log juga hendaklah dikemas kini oleh pemandu bagi setiap perjalanan dan penyelenggaraan kenderaan. Penyelenggaraan Buku Log hendaklah dilaksanakan bagi tujuan pemantauan pergerakan Kenderaan Jabatan serta memastikan tiada sebarang penyalahgunaan dalam urusan perjalanan.

**Buku Log Kenderaan bagi 16 Kementerian adalah tidak kemas kini. Kementerian terlibat ialah KPM, JPM, MOA, MOF, MOT, KKMM, MINDEF, KATS, MPI, KPDNHEP, MITI, KBS, KLN, MOTAC, KPLB dan MEA.**

- **Pengurusan Kad Inden**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - WP4.1 menetapkan Pegawai Kenderaan hendaklah menyediakan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden kenderaan dengan kemas kini. Buku Rekod ini juga hendaklah diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

**Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan di 15 Kementerian. Kementerian yang terlibat ialah KKM, JPM, MOA, MOF, MOT, KKMM, KDN, MINDEF, KATS, MPI, MITI, KPKT, KLN, MOHR dan MEA.**

- **Penyelesaian Saman Tertunggak**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - WP4.1 menyatakan Ketua Jabatan hendaklah memberi peringatan bertulis kepada pemandu/pegawai pengguna bagi menyelesaikan saman tertunggak. Sekiranya pemandu/pegawai pengguna tidak menyelesaikan saman tertunggak setelah diberi peringatan bertulis dalam tempoh sebulan oleh Ketua Jabatan, tindakan seterusnya seperti potongan gaji hendaklah dilaksanakan.

Sebanyak 13 Kementerian mempunyai 2,081 notis kesalahan lalu lintas/saman berjumlah RM0.43 juta tertunggak sejak tahun 1999 hingga 2018. Antara punca berlakunya saman tertunggak adalah surat peringatan tidak dikeluarkan oleh Ketua Jabatan kepada pemandu/pegawai pengguna berkenaan, pemandu/pegawai pengguna tidak dapat dikesan dan tiada tindakan pemantauan diambil oleh Kementerian bagi menyelesaikan kes saman tertunggak tersebut. Butiran lanjut berkaitan dengan tunggakan saman adalah seperti **Jadual 1.17**.

**JADUAL 1.17  
SAMAN TERTUNGGAK KEMENTERIAN**

BIL.	KEMENTERIAN	BILANGAN SAMAN	JUMLAH (RM)	TEMPOH TUNGGAKAN
1.	MOA	1,210	249,730	1999 - 2018
2.	MOF	333	69,585	1999 - 2018
3.	KBS	135	29,250	2006 - 2017
4.	MINDEF	146	28,370	2003 - 2018
5.	KLN	77	12,900	1999 - 2017
6.	KKM	55	11,880	2006 - 2018
7.	MITI	29	6,550	2009 - 2018
8.	MEA	33	4,990	1999 - 2016
9.	KPDNHEP	27	4,340	2018
10.	KPM	14	3,300	2010 - 2018
11.	MPI	10	1,900	2010 - 2018
12.	KKMM	10	1,800	2016 - 2018
13.	MOTAC	2	500	2010 dan 2016
<b>JUMLAH</b>		<b>2,081</b>	<b>425,095</b>	

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 1.5.2. Prestasi Jabatan Yang Diaudit Secara Tahunan

**1.5.2.1.** Bagi pengauditan tahun kewangan 2018, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan terhadap 17 Jabatan. Senarai Jabatan yang dinilai adalah seperti **Jadual 1.18**.


**JADUAL 1.18**  
**SENARAI JABATAN YANG DIAUDIT**

BIL.	JABATAN
1.	Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
2.	Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
3.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
4.	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)
5.	Jabatan Kerja Raya (JKR)
6.	Jabatan Peguam Negara (AGC)
7.	Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)
8.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
9.	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
10.	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
11.	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah (PSUP Sabah)
12.	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (PSUP Sarawak)
13.	Polis Diraja Malaysia (PDRM)
14.	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
15.	Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
16.	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
17.	Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)

Sumber: Jabatan Audit Negara

**1.5.2.2.** Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 17 Jabatan yang diaudit secara tahunan bagi tahun 2018 menunjukkan **15 Jabatan** mencapai tahap **Cemerlang** dan **2 (dua) Jabatan** pada tahap **Baik**. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan yang diaudit secara tahunan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.20**.


**CARTA 1.20**  
**PERBANDINGAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**  
**JABATAN BAGI TAHUN 2018 DAN 2017**



Sumber: Jabatan Audit Negara

**1.5.2.3.** Perbandingan tahap prestasi pengurusan kewangan bagi Jabatan yang dinilai pada tahun 2018 dan 2017 adalah seperti **Carta 1.21**.

**CARTA 1.21**  
**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**  
**JABATAN YANG DIAUDIT SECARA TAHUNAN BAGI TAHUN 2018**



Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 1.5.2.4 Prestasi Jabatan Mengikut Kawalan

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2018 mengikut elemen kawalan bagi 17 Jabatan yang diaudit secara tahunan mendapati kesemua lapan (8) kawalan berada pada tahap **Cemerlang** seperti **Carta 1.22**.

**CARTA 1.22**  
**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN BAGI TAHUN 2018 MENGIKUT ELEMEN**




Sumber: Jabatan Audit Negara

##### a. Kawalan Pengurusan

- i. Secara keseluruhannya, sebanyak 13 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dan empat (4) Jabatan berada pada tahap **Baik** dalam elemen Kawalan Pengurusan. Pencapaian Jabatan dari aspek elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.23**.

**CARTA 1.23  
TAHAP PRESTASI KAWALAN PENGURUSAN JABATAN BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang      ■ Baik

- ii. Secara umumnya, sebanyak 10 daripada 25 kriteria telah dipatuhi oleh Jabatan dalam Kawalan Pengurusan. Bagaimanapun, berlaku ketidakpatuhan terhadap 13 kriteria yang berisiko tinggi dan dua (2) kriteria berisiko rendah. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi 17 Jabatan adalah seperti **Carta 1.24**.

**CARTA 1.24  
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO  
DALAM KAWALAN PENGURUSAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan dalam Kawalan Pengurusan adalah seperti **Jadual 1.19**.

**JADUAL 1.19**  
**PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PENGURUSAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JABATAN TERLIBAT
1.	Pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan tidak menghadiri kursus berkaitan dalam tahun semasa.	JKSM, JPJ, JKDM, PDRM dan UKAS
2.	Pusingan tugas tidak dilaksanakan.	JANM, JPJ dan UKAS
3.	Pemeriksaan mengejut (AP309) tidak meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang berharga.	JANM, JKDM, SPRM dan UKAS
4.	Pertanyaan Audit tidak dijawab dalam tempoh ditetapkan.	JANM, JPJ dan JPT
5.	Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam tidak dihantar kepada Urus Setia Tatatertib mengikut tempoh yang ditetapkan.	JPA, MAMPU, PDRM dan SPRM

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- **Pengurusan Kehilangan Wang Awam**  
- **Jabatan Pengangkutan Jalan**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - WP 10.3, Perenggan 4.1.1.2(a) menetapkan Ketua Jabatan hendaklah menyediakan Laporan Awal bagi kehilangan yang berlaku di Jabatan di bawah kawalannya. Bagi kehilangan yang melibatkan seseorang Ketua Jabatan, Laporan Awal hendaklah disediakan oleh pegawai atasannya di peringkat Kementerian/Ibu Pejabat. Laporan Awal hendaklah disediakan secepat mungkin iaitu tidak lewat daripada lima (5) hari bekerja.

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - WP 10.3, Perenggan 4.1.1.2(b) menyatakan Laporan Awal dan Laporan Polis hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan berlakunya kehilangan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - WP 10.3, Perenggan 4.1.1.2(c) pula menetapkan Salinan Laporan Awal hendaklah dihantar kepada Akauntan Negara dan Ketua Audit Negara.


Secara keseluruhannya, pengurusan kehilangan wang awam di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) adalah tidak teratur seperti berikut:

- Jabatan lewat menyediakan Laporan Awal berkaitan satu (1) kes wang palsu di JPJ Negeri Selangor berjumlah RM100 iaitu mengambil masa sehingga 12 hari berbanding sepatutnya 5 hari.
- Tiada bukti Laporan Awal beserta Laporan Polis telah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan bagi tiga (3) kes wang palsu yang berjumlah RM100 dan RM50 (JPJ Pahang) dan RM100 (JPJ Selangor).
- Tiada bukti salinan Laporan Awal bagi tiga (3) kes wang palsu telah dihantar kepada Akauntan Negara dan Ketua Audit Negara seperti arahan yang telah ditetapkan bagi kes-kes kehilangan wang awam dan wang palsu bagi tahun 2018 di JPJ.

## b. Kawalan Bajet

- Secara keseluruhannya, sebanyak 16 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dan satu (1) Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dalam Kawalan Bajet. Pencapaian Jabatan dalam Kawalan Bajet bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.25**.

**CARTA 1.25**  
**TAHAP PRESTASI KAWALAN BAJET JABATAN BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang

■ Kurang Memuaskan

- ii. Secara umumnya, sebanyak 23 daripada 24 kriteria telah dipatuhi oleh Jabatan dalam Kawalan Bajet. Bagaimanapun, berlaku ketidakpatuhan terhadap satu (1) kriteria yang berisiko tinggi. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 24 kriteria dalam Kawalan Bajet bagi 17 Jabatan adalah seperti **Carta 1.26**.

**CARTA 1.26  
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO  
DALAM KAWALAN BAJET**




Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Penemuan Audit dalam Kawalan Bajet mendapati **UKAS tidak mengemas kini maklumat kewangan dalam SPP II**.

### c. Kawalan Terimaan

- i. Secara keseluruhannya, sebanyak 13 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dan 4 Jabatan mencapai tahap **Baik**. Pencapaian Jabatan dalam Kawalan Terimaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.27**.

**CARTA 1.27  
TAHAP PRESTASI KAWALAN TERIMAAN JABATAN BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang

■ Baik

- ii. Secara umumnya, sebanyak 19 daripada 36 kriteria telah dipatuhi oleh Jabatan dalam Kawalan Terimaan. Bagaimanapun, berlaku ketidakpatuhan terhadap 14 kriteria berisiko tinggi dan tiga (3) kriteria berisiko sederhana. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi 17 Jabatan adalah seperti **Carta 1.28**.

**CARTA 1.28  
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO  
DALAM KAWALAN TERIMAAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Dua (2) ketidakpatuhan tertinggi dalam Kawalan Terimaan adalah seperti **Jadual 1.20**.

**JADUAL 1.20  
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN TERIMAAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JABATAN TERLIBAT
1.	Proses pungutan tidak dibuat teratur.	AGC dan JPT
2.	Perjanjian antara Kerajaan dan <i>Acquiring Bank</i> tidak mematuhi terma ditetapkan oleh IPP-PS2.	JPS, JIM dan PDRM

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 13 Tahun 2014 - Tatacara Terimaan Secara Elektronik Melalui Kaunter Agensi Kerajaan, Lampiran B1 - perenggan 2.3 yang menyatakan Agensi Kerajaan perlu menandatangani perjanjian dengan *Acquiring Bank* (AB). Sebanyak lima (5) perjanjian antara Kerajaan dan *Acquiring Bank* telah tamat tempoh dan satu (1) perjanjian Kerajaan dan *Acquiring Bank* tidak ditandatangani melibatkan Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.

- **Akaun Belum Terima JKR**

- **Tunggakan Hasil (Bayaran Balik Emolumen)**

Pihak Audit mendapati tunggakan bayaran balik emolumen melibatkan 14 pegawai di 10 PTJ berjumlah RM193,023.57 pada akhir tahun 2018. Sebanyak RM107,784.09 adalah jumlah yang terhutang melebihi 72 bulan. Perkara ini berlaku kerana pegawai-pegawai yang telah berhenti kerja masih terus menerima bayaran gaji. Tindakan mengutip semula tunggakan bayaran balik emolumen perlu dipertingkatkan.

- **Tunggakan Hasil (Bayaran Balik Tanah)**

Satu (1) bayaran pampasan bagi pengambilan tanah berjumlah RM93,095.00 untuk Projek Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Jalan Persekutuan Laluan 8 & 9 *Central Spine Road* Pakej 3 Lot 34565, PM 1907 Mukim Batu Yong, Daerah Kuala Lipis, Pahang. Jumlah yang layak diterima adalah RM46,547.50. Lebihan bayaran RM46,547.50 adalah disebabkan kecuaiannya pihak JKR membuat bayaran sebanyak dua (2) kali. Walaupun tindakan bagi menuntut bayaran balik daripada penerima telah dibuat, akan tetapi hingga kini kutipan tidak berhasil.

- **Tunggakan Hutang-hutang Lain (Bayaran Balik *No Show Passenger*)**

Semakan Audit mendapati tunggakan hutang bagi bayaran balik *No Show Passenger* di 16 PTJ adalah berjumlah RM62,839.49 seperti **Jadual 1.21**.

**JADUAL 1.21**  
**TUNGGAKAN HUTANG-HUTANG LAIN**  
**(BAYARAN BALIK *NO SHOW PASSENGER*)**

<b>BIL.</b>	<b>SYARIKAT PENERBANGAN</b>	<b>AMAUN (RM)</b>
1.	Malaysian Airline System	35,293.29
2.	Air Asia	26,128.58
3.	Firefly	1,417.62
<b>JUMLAH</b>		<b>62,839.49</b>

Sumber: Laporan Akaun Belum Terima sehingga 31 Disember 2018

Semakan Audit selanjutnya terhadap alasan *no show passenger* adalah seperti di **Jadual 1.22**. Pihak JKR dicadangkan untuk mengkaji semula kawalan dalaman terhadap proses penempahan tiket kapal terbang.

**JADUAL 1.22**  
**JENIS ALASAN YANG TIDAK WAJAR**


BIL.	SEBAB	AMAUN (RM)
1.	Tiada sebab pembatalan tiket.	18,783.92
2.	<i>Double booking</i> /kesilapan tempahan.	11,400.55
3.	Menghadiri mesyuarat lain.	7,498.02
4.	Pegawai tidak peka pada jadual penerbangan.	3,687.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>41,369.49</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### d. Pengurusan Perolehan

- i. Secara keseluruhannya, sebanyak 14 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, dua (2) Jabatan mencapai tahap **Baik** dan satu (1) Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian Jabatan dalam Pengurusan Perolehan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.29**.

**CARTA 1.29**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN PEROLEHAN JABATAN BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang     
 ■ Baik     
 ■ Kurang Memuaskan

- ii. Secara umumnya, sebanyak 15 daripada 38 kriteria telah dipatuhi oleh Jabatan dalam Pengurusan Perolehan. Bagaimanapun, berlaku ketidakpatuhan terhadap 20 kriteria berisiko tinggi, satu (1) kriteria berisiko sederhana dan dua (2) kriteria berisiko rendah. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 38 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi 17 Jabatan adalah seperti **Carta 1.30**.

**CARTA 1.30  
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO  
DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Pengurusan Perolehan adalah seperti **Jadual 1.23**.

**JADUAL 1.23  
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JABATAN TERLIBAT
1.	Daftar GPIS tidak dikemas kini dengan maklumat bagi semua kategori perolehan.	AGC, ICU, JANM, JKR JPA, SPRM dan UKAS
2.	Pembelian terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/perkhidmatan melebihi RM20,000 setahun.	AGC, JKR, JPJ dan JKDM
3.	Kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima.	AGC, JANM, JIM, JKR JPJ, JKDM dan PDRM
4.	Pesanan Kerajaan dikeluarkan selepas bekalan/perkhidmatan diterima atau Pesanan Kerajaan tidak diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa.	JANM dan JKDM
5.	Jawatankuasa Sebut Harga, Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga tidak dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Bahagian.	JKR dan JIM

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- **Pecah Kecil Perolehan**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - PK 2 mentafsirkan pembelian terus sebagai perolehan bekalan/perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 atau sesuatu kontrak. Setiap jenis item ditafsirkan sebagai sesuatu barangan/perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama dan/atau boleh diperoleh daripada satu punca bekalan serta perolehan tersebut boleh dirancang. Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan bernilai melebihi RM20,000 hingga RM500,000 setahun perlu dilaksanakan melalui kaedah Sebut Harga. Manakala bagi perolehan melebihi RM500,000 setahun perlu dilaksanakan melalui kaedah tender. Agensi adalah dilarang memecah kecil perolehan tahunan untuk mengelak daripada pelawaan secara sebut harga dan tender.

Sebanyak dua (2) Jabatan telah membuat pembelian terus bagi satu jenis item melebihi had perbelanjaan RM20,000 setahun. Antara item perolehan yang terlibat adalah pembekalan plastik *lamine* lesen memandu, perkhidmatan upah jahit pakaian dan penyelenggaraan kenderaan Jabatan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.24**.

**JADUAL 1.24**  
**PECAH KECIL PEROLEHAN**

JABATAN	BIL. ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)	PERIHAL
JPJ	3	33,334	Pembekalan plastik <i>lamine</i> lesen memandu.
JKDM	2	20,100	Perkhidmatan menjahit pakaian kawad.
	2	40,850	Pembekalan tali leher bagi kegunaan majlis rasmi Jabatan/cenderahati.
	3	39,000	Pembekalan pengikat keselamatan/ <i>octo seal</i> .
	2	35,200	Pembekalan papan tanda ruangan meletak kenderaan.
<b>JUMLAH</b>	<b>12</b>	<b>168,484</b>	

Sumber: Jabatan Audit Negara

- **Perubahan Skop Projek Tidak Mendapat Kelulusan Pihak Berkuasa Melulus Asal**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia – PK 2.3 dan PK 4.1 menyatakan sebarang perubahan kuantiti/spesifikasi dan pelanjutan tempoh kontrak semasa kontrak masih berkuat kuasa hendaklah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus asal. Kelulusan ini tertakluk kepada had

nilai dan kuasa yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan. Bagi projek pembangunan sistem aplikasi, sebarang perubahan kuantiti/spesifikasi/*minor scope* dan pelanjutan tempoh kontrak semasa kontrak masih berkuat kuasa hendaklah diperakukan oleh Jawatankuasa Pemandu Projek atau Jawatankuasa Teknikal Projek yang mana berkenaan terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus asal untuk kelulusan.

- Perubahan kuantiti/spesifikasi perkakasan bagi tender Menguji, Mentauliah Dan Penyelenggara Peralatan ICT Bagi Menyokong Projek Pembangunan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan Fasa 1 - *National Water Balance Management System (NAWABS)* di Jabatan Pengairan dan Saliran tidak mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus Asal. Perubahan kuantiti/spesifikasi perkakasan ini hanya dimuktamadkan di peringkat Jawatankuasa Teknikal.
- Pertambahan skop bagi Kontrak Pelupusan Aset Kerajaan Bagi Projek *Solar Schoolnet* dari 18 buah sekolah kepada 23 buah sekolah telah dicadangkan oleh pihak syarikat dan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya tanpa mendapat kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga. Perubahan skop ini melibatkan tambahan lima (5) buah sekolah dengan kos tambahan sejumlah RM49,760.

- **Pemilihan Sebut Harga Selain Yang Disyorkan Oleh Jawatankuasa Penilaian**


Pekeliling Perbendaharaan Malaysia – PK 2.1 menjelaskan semua sebut harga yang diterima hendaklah dikaji dan dinilai sebelum syor dibuat kepada Jawatankuasa Sebut Harga. Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah menimbang sebut harga dan memilih sebut harga yang paling menguntungkan Kerajaan. Asas-asas pemilihan sebut harga hendaklah dicatatkan dengan jelas dalam minit.

Kontrak Pembekalan Kelengkapan Pakaian Seragam Secara *One Off* telah dianugerahkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) kepada syarikat yang telah gagal dalam penilaian kewangan. Asas-asas pemilihan syarikat oleh Jawatankuasa Sebut Harga tidak diminitkan dengan jelas. Syarikat tersebut gagal dalam penilaian kewangan kerana harga tawaran syarikat telah melebihi harga indikatif JIM.

### e. Kawalan Perbelanjaan

- i. Secara keseluruhannya, sebanyak 14 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) Jabatan pada tahap **Baik**, satu (1) Jabatan pada tahap **Memuaskan** dan satu (1) Jabatan pada tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian Jabatan dalam Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.31**.

**CARTA 1.31**  
**TAHAP PRESTASI KAWALAN PERBELANJAAN JABATAN BAGI TAHUN 2018**



Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang


■ Baik

■ Memuaskan

■ Kurang Memuaskan

- ii. Secara umumnya, sebanyak 12 daripada 21 kriteria telah dipatuhi oleh Jabatan dalam Kawalan Perbelanjaan. Bagaimanapun, berlaku ketidakpatuhan terhadap lima (5) kriteria berisiko tinggi, tiga (3) kriteria berisiko sederhana dan satu (1) kriteria berisiko rendah. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 21 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi 17 Jabatan adalah seperti **Carta 1.32**.

**CARTA 1.32  
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN  
RISIKO DALAM KAWALAN PERBELANJAAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Kawalan Perbelanjaan adalah seperti **Jadual 1.25**.

**JADUAL 1.25  
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PERBELANJAAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JABATAN TERLIBAT
1.	Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan.	AGC dan JKR
2.	Tindakan pelarasan tidak dibuat ke atas kesilapan/perbezaan antara laporan pukal dengan bil.	JKR dan PSUP Sarawak
3.	Laporan Pukal tidak disemak dengan bil asal.	JPT dan JANM
4.	Penurunan kuasa secara khusus tidak diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam bayaran (mengesah dan memperakui baucar bayaran).	AGC
5.	Proses Bayaran mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.	JPA, AGC, ICU PSUP Sarawak, JANM JIM, JPT dan JKR

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- **Kod Penjenisan Perbelanjaan Tidak Tepat**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - PS 1.1 menerangkan penggunaan dan penjenisan kod hasil dan perbelanjaan kepada semua Kementerian/Jabatan bagi memastikan hasil dan perbelanjaan yang diakaunkan adalah betul dan seragam. Ini adalah bagi menggambarkan kedudukan sebenar di Penyata Kewangan Kerajaan

Persekutuan. Sebanyak lima (5) Arahan Pembayaran berjumlah RM427,834.72 yang melibatkan Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak direkodkan pada kod jenis perbelanjaan yang tidak tepat.

- **Syor Dan Perakuan Bayaran Pada Borang JKR 66 (Pindaan 2/2015) Lewat Ditandatangani**

Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) Bilangan 26 Tahun 2012, Perenggan 3.1(i), menetapkan perakuan bayaran interim [Borang JKR 66 (pindaan 2/2015)] hendaklah disyorkan dan ditandatangani oleh pegawai pengesyor di dalam tempoh tidak melebihi tujuh (7) hari dari tarikh penilain kerja di tapak. Manakala para 3.2(i) menetapkan perakuan bayaran interim (Borang JKR 66 (pindaan 2/2015) hendaklah diperakukan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa memperakukan dalam tempoh tidak melebihi 14 hari dari tarikh penilaian kerja di tapak. Sebanyak 46 baucar bayaran berjumlah RM17.81 juta melibatkan Jabatan Kerja Raya lewat ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa, masing-masing diantara 2 hari hingga 62 hari dan 2 hari hingga 55 hari.

- **Baucar Bayaran Interim Lewat Disediakan**

Surat Arahan KPKR Bilangan 26 Tahun 2012 menetapkan baucar hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh pegawai pelulus yang diberi kuasa di dalam tempoh tidak melebihi 14 hari dari tarikh perakuan bayaran interim dikeluarkan. Sebanyak 10 baucar bayaran berjumlah RM4,360,900 melibatkan Jabatan Kerja Raya lewat disediakan antara 4 hari hingga 26 hari.

## **f. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit**

- i. Secara keseluruhannya, sebanyak 12 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, empat (4) Jabatan berada pada tahap **Baik** dan satu (1) Jabatan **Tidak Berkenaan**. Pencapaian Jabatan dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.33**.

**CARTA 1.33**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**  
**JABATAN BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang

■ Baik

- ii. Secara umumnya, sebanyak 16 daripada 21 kriteria telah dipatuhi oleh Jabatan dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah Dan Deposit. Bagaimanapun, berlaku ketidakpatuhan terhadap dua (2) kriteria yang berisiko tinggi dan tiga (3) kriteria berisiko sederhana. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 21 kriteria dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah Dan Deposit bagi 17 Jabatan adalah seperti **Carta 1.34**.

**CARTA 1.34  
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO DALAM PENGURUSAN  
KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Empat (4) ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit adalah seperti **Jadual 1.26**.

**JADUAL 1.26  
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN KUMPULAN  
WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JABATAN TERLIBAT
1.	Akaun Utama Deposit tidak diselenggarakan.	JKR
2.	Deposit tidak diakaunkan mengikut jenis deposit yang diterima.	JPA dan JKR
3.	Daftar/ Rekod kecil tidak diselenggarakan sekiranya banyak bilangan deposit yang sama jenisnya.	JPA dan JKR
4.	Baki dalam daftar/rekod kecil berbeza dengan Akaun Utama Deposit bagi setiap bulan.	JKR

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- **Deposit Yang Tidak Dituntut Melebihi 12 Bulan Dari Tarikh Deposit Boleh Dikembalikan (Serta Tidak Diperlukan) Tidak Diwartakan.**

AP 162 menyatakan deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diwartakan dalam Warta Kerajaan. Jika deposit tersebut masih tidak dituntut dalam masa tiga (3) bulan selepas pewartaan, ia hendaklah dikreditkan kepada hasil. Pegawai penjaga akaun bertanggungjawab menentukan bahawa pemberitahuan itu diwartakan.

Sebanyak 28 pendeposit berjumlah RM75,202 telah tamat tempoh pegangan pada tahun 2002 hingga 2019 tetapi masih belum diwartakan. Penemuan ini melibatkan tiga (3) Jabatan iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah (PSUP Sabah). Butiran lanjut berkaitan dengan tunggakan deposit yang masih belum diwartakan adalah seperti **Jadual 1.27**.

**JADUAL 1.27**  
**DEPOSIT YANG MASIH BELUM DIWARTAKAN**


BIL.	JABATAN	BILANGAN PENDEPOSIT	JUMLAH (RM)	TAMAT TEMPOH PEGANGAN
1.	JPA	4	40,447.78	2002 - 2017
2.	PDRM	17	7,634.00	2010 - 2018
3.	PSUP SABAH	7	27,120.00	2015 - 2019
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>28</b>	<b>75,201.78</b>	<b>2002 - 2019</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### g. Pengurusan Aset dan Stor

- i. Secara keseluruhannya, sebanyak 10 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, lima (5) Jabatan berada pada tahap **Baik** dan dua (2) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian Jabatan dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.35**.

**CARTA 1.35**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN ASET DAN STOR JABATAN BAGI TAHUN 2018**



Sumber: Jabatan Audit Negara



Cemerlang




Baik



Memuaskan

- ii. Secara umumnya, sebanyak 40 daripada 86 kriteria telah dipatuhi oleh Jabatan dalam Pengurusan Aset dan Stor. Bagaimanapun, berlaku ketidakpatuhan terhadap 11 kriteria berisiko tinggi, 28 berisiko sederhana dan tujuh (7) kriteria berisiko rendah. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 86 kriteria dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi 17 Jabatan adalah seperti **Carta 1.36**.

**CARTA 1.36**  
**TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO DALAM**  
**PENGURUSAN ASET DAN STOR**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti **Jadual 1.28**.

**JADUAL 1.28**  
**PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JABATAN TERLIBAT
1.	Semua harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak didaftarkan dengan lengkap dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan.	JKR, JKSM, JPS MAMPU, PDRM dan SPRM
2.	Senarai Aset Alih (KEW.PA-7) tidak disediakan, satu salinan tidak disimpan oleh Pegawai Aset dan satu salinan tidak dipamerkan di lokasi.	AGC, JANM MAMPU, PDRM dan SPRM
3.	Ketua Jabatan/Pegawai Atasan di peringkat Ibu Pejabat tidak/lewat menyedia Laporan Awal (KEW.PA-33 atau Lampiran A) kepada Pegawai Pengawal dan Perbendaharaan (jika berkenaan) dalam tempoh 2 hari bekerja(aset)/tidak lewat 5 hari bekerja (wang awam).	AGC, JKSM JPS, PDRM dan SPRM
4.	Aset tidak diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran yang betul.	JANM, JIM JKR dan MAMPU
5.	Baki fizikal barang-barang stor tidak sama dengan baki terakhir di senarai kad daftar stok .	AGC, JANM JKSM dan JPS

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- **Penerimaan dan Pendaftaran Aset - Jabatan Kerja Raya**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia – AM 2.3, aset hendaklah didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan.

Sebanyak enam (6) buah kenderaan yang diterima oleh JKR Woksyop daripada pelbagai Kementerian/Institut melalui pelupusan secara pindahan masih belum didaftarkan sebagai harta modal antara empat (4) hingga 15 bulan. Termasuk dalam senarai tersebut adalah sebuah kenderaan Toyota Estima (AJU 9987) yang telah dilaksanakan baik pulih dengan perbelanjaan sejumlah RM10,706 walaupun aset belum didaftarkan.

- **Pemeriksaan Aset - Jabatan Kerja Raya**


Pekeliling Perbendaharaan Malaysia – AM 2.4 menetapkan pemeriksaan ke atas semua Aset Alih hendaklah dilaksanakan 100% dan pemeriksaan boleh dilaksanakan sepanjang tahun pada tahun semasa secara berperingkat.

Sebanyak 20 peranti *Smart Tag* didapati rosak dan tidak boleh digunakan semasa pemeriksaan fizikal Audit pada 4 Mac 2019 walaupun Laporan Pemeriksaan Aset Alih bertarikh 21 Jun 2018 menyatakan aset alih tersebut masih boleh digunakan.

## **h. Pengurusan Kenderaan Kerajaan**

- i. Secara keseluruhannya, sebanyak 13 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) Jabatan berada pada tahap **Baik**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian Jabatan dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.37**.

**CARTA 1.37  
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN  
JABATAN BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang     
 ■ Baik     
 ■ Memuaskan

- ii. Secara umumnya, 14 daripada 35 kriteria telah dipatuhi oleh Jabatan dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Bagaimanapun, berlaku ketidakpatuhan melibatkan enam (6) kriteria berisiko tinggi, dua belas (12) kriteria berisiko sederhana dan tiga (3) kriteria berisiko rendah. Tahap pematuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi 17 Jabatan adalah seperti **Carta 1.38**.

**CARTA 1.38  
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO  
DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan adalah seperti **Jadual 1.29**.

**JADUAL 1.29  
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JABATAN TERLIBAT
1.	Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini untuk semua kenderaan kecuali untuk Kereta Rasmi Jawatan bagi Pegawai Gred Utama.	JANM, JKDM JPJ dan SPRM
2.	Buku rekod pergerakan kad inden tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	JANM, JKDM JKR dan SPRM
3.	Buku rekod pergerakan dan penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	JANM, JKDM JKR dan JPJ
4.	Penyelesaian saman tertunggak tidak diberi peringatan bertulis oleh Ketua Jabatan.	JIM, JPA JPJ dan JPS
5.	Setelah diberi peringatan bertulis dalam tempoh sebulan oleh Ketua Jabatan terhadap saman tertunggak, tiada tindakan seterusnya (seperti potongan gaji) dilaksanakan.	JIM, JKDM, JPA JPJ, JPS dan PSUP Sarawak

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- **Penyelenggaraan Buku Log Kenderaan**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia – WP 4.1 telah menetapkan bahawa setiap Kenderaan Kerajaan hendaklah dibekalkan dengan Buku Log bagi tujuan mengawal dan memantau penggunaan kenderaan. Buku Log juga hendaklah dikemas kini oleh pemandu bagi setiap perjalanan dan penyenggaraan kenderaan. Penyelenggaraan Buku Log hendaklah dilaksanakan bagi tujuan pemantauan pergerakan Kenderaan Jabatan serta memastikan tiada sebarang penyalahgunaan dalam urusan perjalanan.

Buku Log Kenderaan bagi empat (4) Jabatan adalah tidak kemas kini. Jabatan terlibat ialah JANM, JKDM, JPJ dan SPRM.

- **Pengurusan Kad Inden**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia – WP 4.1 menetapkan Pegawai Kenderaan hendaklah menyediakan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden kenderaan dengan kemas kini. Buku Rekod ini juga hendaklah diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan di empat (4) Jabatan iaitu JANM, JKDM, JKR dan SPRM.

- **Penyelesaian Saman Tertunggak**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia – WP 4.1 menyatakan Ketua Jabatan hendaklah memberi peringatan bertulis kepada pemandu/pegawai pengguna bagi menyelesaikan saman tertunggak. Sekiranya pemandu/pegawai pengguna tidak menyelesaikan saman tertunggak setelah diberi peringatan bertulis dalam tempoh sebulan oleh Ketua Jabatan, tindakan seterusnya seperti potongan gaji hendaklah dilaksanakan.

Sebanyak tiga (3) Jabatan iaitu JPS, JPA dan PSUP Sarawak mempunyai 364 notis kesalahan lalu lintas/saman berjumlah RM64,260 tertunggak sejak tahun 1999 hingga 2018. Antara punca berlakunya saman tertunggak adalah surat peringatan tidak dikeluarkan oleh Ketua Jabatan kepada pemandu/pegawai pengguna berkenaan, pemandu/pegawai pengguna tidak dapat dikesan dan tiada tindakan pemantauan diambil oleh Jabatan bagi menyelesaikan kes saman tertunggak tersebut. Butiran lanjut berkaitan dengan tunggakan saman adalah seperti **Jadual 1.30**.

**JADUAL 1.30**  
**SAMAN TERTUNGGAK JABATAN**

BIL.	JABATAN	BILANGAN SAMAN	JUMLAH (RM)	TEMPOH TUNGGAKAN
1.	JPS	224	39,850	2002 - 2018
2.	JPA	83	14,240	1999 - 2018
3.	PSUP Sarawak	57	10,170	2000 - 2018
<b>JUMLAH</b>		<b>364</b>	<b>64,260</b>	

Sumber: Jabatan Audit Negara

### 1.5.3. Prestasi Badan Berkanun Persekutuan

**1.5.3.1.** Bagi pengauditan tahun 2018, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan terhadap 13 Badan Berkanun Persekutuan (BBP). Senarai BBP yang dinilai adalah seperti **Jadual 1.31**.


**JADUAL 1.31**  
**BBP YANG DIAUDIT DALAM TAHUN 2018**

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
1.	Agensi Inovasi Malaysia (AIM)
2.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
3.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
4.	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
5.	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)
6.	Maktab Koperasi Malaysia (MKM)
7.	Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
8.	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
9.	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)
10.	Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia)
11.	Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)
12.	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
13.	Universiti Malaysia Pahang (UMP)

Sumber: Jabatan Audit Negara


**1.5.3.2.** Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan untuk 13 Badan Berkanun Persekutuan (BBP) bagi tahun 2018 menunjukkan **tiga (3) BBP** mencapai tahap **Cemerlang**, **empat (4) BBP** adalah **Baik**, **lima (5) BBP** berada pada tahap **Memuaskan** dan **satu (1) BBP** berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan BBP secara keseluruhan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.39**.

**CARTA 1.39**  
**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BBP BAGI TAHUN 2018**



Sumber: Jabatan Audit Negara


**1.5.3.3.** Prestasi pengurusan kewangan bagi 13 BBP yang dinilai pada tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.40**.



#### **1.5.3.4 Prestasi BBP Mengikut Kawalan**

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2018 mengikut sembilan (9) elemen bagi 13 BBP mendapati Pengurusan Perolehan berada pada tahap **Cemerlang**, enam (6) kawalan berada pada tahap **Baik** dan dua (2) kawalan berada pada tahap **Memuaskan** adalah seperti **Carta 1.41**.

**CARTA 1.41**  
**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BBP TAHUN 2018 MENGIKUT ELEMEN**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan

#### a. Kawalan Pengurusan

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap Kawalan Pengurusan menunjukkan empat (4) BBP mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) BBP pada tahap **Baik**, empat (4) BBP pada tahap **Memuaskan** dan dua (2) BBP pada tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian 13 BBP dalam Kawalan Pengurusan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.42**.

**CARTA 1.42  
TAHAP PRESTASI KAWALAN PENGURUSAN BBP BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang    ■ Baik    ■ Memuaskan    ■ Kurang Memuaskan

- ii. Penilaian terhadap 51 kriteria Kawalan Pengurusan menunjukkan sembilan (9) kriteria dipatuhi oleh kesemua BBP. Manakala terdapat ketidakpatuhan bagi 15 kriteria yang berisiko tinggi, 19 kriteria berisiko sederhana dan lapan (8) kriteria berisiko rendah. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko dalam Kawalan Pengurusan bagi 13 BBP adalah seperti **Carta 1.43**.

**CARTA 1.43  
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO DALAM  
KAWALAN PENGURUSAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Kawalan Pengurusan adalah seperti **Jadual 1.32**.

**JADUAL 1.32**  
**PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PENGURUSAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BBP TERLIBAT
1.	Penempatan secara pentadbiran tidak mendapat kelulusan JPA.	BERNAMA, MATRADE LPPKN, MKM, UMK dan LPPM
2.	Semua pegawai terlibat dengan pengurusan kewangan tidak diberi kuasa secara bertulis.	AIM, MKM, UMK LPPM dan SEDA Malaysia
3.	Pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan tidak menghadiri kursus berkaitan dalam tahun semasa.	AIM, LPPKN, MKM UMK, FAMA dan LKIM
4.	Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan oleh ketua pejabat (tidak terlibat dengan penyimpanan wang atau barang berharga tersebut/tidak memegang kunci peti besi) [AP 309 (a)].	AIM, MKM, UMK FAMA, LKIM dan SEDA Malaysia
5.	Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali atau tempoh yang ditetapkan oleh Agensi [AP 309 (b)].	PPUM, UMK, FAMA LKIM dan SEDA Malaysia

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh BBP adalah seperti berikut:

- **Kelemahan Tadbir Urus - Agensi Inovasi Malaysia (AIM)**

Tadbir urus yang baik dapat membantu meningkatkan kecekapan dalam mencapai objektif sesebuah agensi dan membolehkan agensi diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Secara keseluruhannya, tadbir urus di AIM adalah sangat lemah berdasarkan isu berikut:


- a. Majlis Tadbir Urus AIM tidak bermesyuarat pada tahun 2018.
- b. Penurunan kuasa secara bertulis tidak dibuat kepada pegawai yang melaksanakan urusan terimaan.
- c. Pemeriksaan dalaman (AP308) terhadap pengurusan kewangan dan perakaunan tidak pernah dijalankan sepanjang penubuhan.
- d. Peranan dan capaian sistem terimaan bagi penerima wang tidak selaras dengan penurunan kuasa.

**b. Kawalan Bajet**

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap Kawalan Bajet menunjukkan tujuh (7) BBP mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1)

BBP pada tahap **Baik**, empat (4) BBP pada tahap **Memuaskan** dan satu (1) BBP pada tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian 13 BBP dalam Kawalan Bajet bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.44**.

**CARTA 1.44**  
**TAHAP PRESTASI KAWALAN BAJET BBP BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang Memuaskan

- ii. Penilaian terhadap sembilan (9) kriteria Kawalan Bajet menunjukkan empat (4) kriteria dipatuhi oleh kesemua BBP. Manakala terdapat ketidakpatuhan bagi empat (4) kriteria berisiko tinggi dan satu (1) kriteria berisiko rendah. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko dalam Kawalan Bajet bagi 13 BBP adalah seperti **Carta 1.45**.

**CARTA 1.45  
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO DALAM KAWALAN BAJET**



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Kawalan Bajet adalah seperti **Jadual 1.33**.

**JADUAL 1.33  
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN BAJET**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BBP TERLIBAT
1.	Cadangan belanjawan tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan (tertakluk kepada peraturan kewangan Agensi).	BERNAMA dan UMK
2.	Pindah peruntukan tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus.	FAMA dan LKIM
3.	Perbelanjaan dibuat melebihi peruntukan.	MKM, UMK dan LPPM
4.	Semua pindah peruntukan dibuat sebelum mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus.	LKIM
5.	Peruntukan tambahan/khas/luar jangka/viremen tidak dibelanjakan.	LPPM

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh BBP adalah seperti berikut:

- **Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)**

Perkara 11.1 dalam Arahan Kewangan LPPM menyatakan Ketua Pengarah bertanggungjawab menggunakan peruntukan belanjawan untuk tujuan yang dimaksudkan, memastikan pembayaran kepada pembekal/pemiutang dibuat dengan betul dan pada kadar yang segera. Bagaimanapun, invoice bagi kempen pengiklanan digital untuk pasaran luar negara dengan platform Tencent oleh Syarikat Geeko Tech Sdn. Bhd. berjumlah RM22 juta belum dibayar kerana melebihi peruntukan yang diluluskan.


- **Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - PB 2.6 menyatakan Pegawai Pengawal tidak dibenarkan membuat pindah peruntukan daripada Objek 10000 kepada Objek Am lain di dalam aktiviti yang berbeza kecuali mendapat kelulusan Perbendaharaan Malaysia bagi memastikan peruntukan tahunan tidak terjejas. Terdapat tiga (3) pindah peruntukan berjumlah RM1.30 juta telah diluluskan oleh Ketua Agensi yang sepatutnya mendapat kelulusan Perbendaharaan Malaysia terlebih dahulu.

**c. Kawalan Terimaan**

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap Kawalan Terimaan menunjukkan lima (5) BBP mencapai tahap **Cemerlang**, empat (4) BBP berada pada tahap **Baik**, dua (2) BBP berada pada tahap **Memuaskan**, satu (1) BBP berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan satu (1) BBP berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian 13 BBP dari aspek Kawalan Terimaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.46**.

**CARTA 1.46  
TAHAP PRESTASI KAWALAN TERIMAAN BBP BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang Memuaskan ■ Tidak Memuaskan

- ii. Penilaian terhadap 39 kriteria Kawalan Terimaan menunjukkan enam (6) kriteria dipatuhi oleh kesemua BBP. Manakala terdapat ketidakpatuhan bagi 19 kriteria berisiko tinggi, 12 kriteria berisiko sederhana dan dua (2) kriteria berisiko rendah. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko dalam Kawalan Terimaan bagi 13 BBP adalah seperti **Carta 1.47**.

**CARTA 1.47**  
**TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO**  
**DALAM KAWALAN TERIMAAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Kawalan Terimaan adalah seperti **Jadual 1.34**.

**JADUAL 1.34**  
**PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN TERIMAAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BBP TERLIBAT
1.	Daftar Mel tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	LPPKN, MKM UMK, FAMA dan LKIM
2.	Resit tidak disediakan pada hari yang sama dan dihantar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya.	LPPKN, MKM, PPUM FAMA, LKIM dan LPPM
3.	Pungutan tidak dimasukkan ke bank dengan segera.	PPUM, UMK, FAMA LKIM dan SEDA Malaysia
4.	Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan setiap bulan mengikut tempoh ditetapkan.	AIM, LPPKN, MKM PPUM, UMK dan LKIM
5.	Pegawai bertanggungjawab tidak menyemak slip bayar masuk bank selepas kemasukan ke bank bagi menentukan jumlah sebenar telah dibankkan.	MKM, FAMA LKIM dan SEDA Malaysia

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh BBP adalah seperti berikut:


- **Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)**

AP 300(a) menetapkan sekiranya sesuatu buku resit rasmi, lesen atau buku yang seumpamanya atau sebahagian daripadanya hilang, hal itu hendaklah dilaporkan dengan segera mengikut cara yang sama seperti kehilangan dan hapus kira di bawah AP 315 hingga AP 324. Buku Resit Rasmi Pasar Tani bernombor siri 279951 hingga 280000 tidak diterima oleh FAMA Sabah. Bagaimanapun, tiada tindakan diambil oleh Ibu Pejabat terhadap kehilangan tersebut sehingga pengauditan dijalankan oleh pihak Jabatan Audit Negara.

#### d. Pengurusan Perolehan

i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap Pengurusan Perolehan menunjukkan sembilan (9) BBP mencapai tahap **Cemerlang**, dua (2) BBP pada tahap **Baik** dan dua (2) BBP pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian 13 BBP dalam Pengurusan Perolehan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.48**.

**CARTA 1.48**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN PEROLEHAN BBP BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang   ■ Baik   ■ Memuaskan

- ii. Penilaian terhadap 49 kriteria Pengurusan Perolehan menunjukkan 24 kriteria dipatuhi oleh kesemua BBP. Manakala terdapat ketidakpatuhan bagi 14 kriteria berisiko tinggi, empat (4) kriteria berisiko sederhana dan tujuh (7) kriteria berisiko rendah. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko dalam Pengurusan Perolehan bagi 13 BBP adalah seperti **Carta 1.49**.

**CARTA 1.49**  
**TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Pengurusan Perolehan adalah seperti **Jadual 1.35**.

**JADUAL 1.35**  
**PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BBP TERLIBAT
1.	Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> tidak dipatuhi (sebut harga).	MKM, UMP, FAMA dan SEDA Malaysia
2.	Proses penilaian, pertimbangan dan keputusan Rundingan Terus adalah tidak teratur.	AIM, MyIPO UMP, LKIM dan LPPM
3.	Kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima.	BERNAMA, MKM MyIPO, MATRADE, UMK UMP, FAMA dan LKIM
4.	Tindakan tidak diambil terhadap kontraktor yang tidak mematuhi syarat mengenai tempoh bekalan perjanjian kontrak.	LPPKN, PPUM UMK dan FAMA
5.	Daftar kontrak tidak diselenggarakan untuk rujukan dan pemantauan bayaran.	BERNAMA, MKM LKIM dan SEDA Malaysia

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh BBP adalah seperti berikut:

- **Pecah Kecil Perolehan**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - PK 2.1, Perenggan 1(iii) menetapkan Agensi hendaklah merancang perolehan tahunan dan memastikan pembelian terus tidak dipecah kecil untuk mengelakkan sebut harga atau tender. Setiap jenis item ditafsirkan sebagai sesuatu barangan/perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama dan boleh diperolehi daripada punca bekalan serta perolehan tersebut boleh dirancang. Perenggan 5(vi) menyatakan perolehan bekalan dan perkhidmatan sehingga RM20,000 setahun atau sesuatu kontrak boleh dilaksanakan secara pembelian terus manakala Perenggan 7(iii)(a) menyatakan perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM50,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga.

Perolehan bagi 17 item berjumlah RM1.08 juta telah dibuat pecah kecil oleh tiga (3) BBP, iaitu BERNAMA, LKIM dan LPPKN. Sejumlah RM793,755 merupakan pecah kecil melalui kaedah perolehan pembelian terus yang melibatkan tiga (3) BBP manakala satu (1) perolehan berjumlah RM288,000 merupakan pecah kecil melalui kaedah perolehan Sebut Harga 'B' yang melibatkan satu (1) BBP. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.36**.

**JADUAL 1.36  
PECAH KECIL PEROLEHAN**

BIL.	KAEDAH PEROLEHAN	BBP TERLIBAT	BILANGAN ITEM	JUMLAH (RM)
1.	Pembelian terus	BERNAMA	5	484,155
2.		LKIM	4	200,344
3.		LPPKN	5	109,256
<b>JUMLAH KECIL</b>			<b>14</b>	<b>793,755</b>
4.	Sebut harga 'B'	LPPKN	3	288,000
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>17</b>	<b>1,081,755</b>


Sumber: Jabatan Audit Negara

**e. Kawalan Perbelanjaan**

i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap Kawalan Perbelanjaan menunjukkan lima (5) BBP mencapai tahap **Cemerlang**, empat (4) BBP berada pada tahap **Baik**, tiga (3) BBP berada pada tahap

**Memuaskan** dan satu (1) BBP berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian 13 BBP dalam Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.50**.

**CARTA 1.50**  
**TAHAP PRESTASI KAWALAN PERBELANJAAN BBP BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang Memuaskan

- ii. Penilaian terhadap 18 kriteria Kawalan Perbelanjaan menunjukkan empat (4) kriteria dipatuhi oleh kesemua BBP. Manakala terdapat ketidakpatuhan bagi enam (6) kriteria berisiko tinggi, empat (4) kriteria berisiko sederhana dan empat (4) kriteria berisiko rendah. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko dalam Kawalan Perbelanjaan bagi 13 BBP adalah seperti **Carta 1.51**.

**CARTA 1.51  
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO DALAM  
KAWALAN PERBELANJAAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Kawalan Perbelanjaan adalah seperti **Jadual 1.37**.

**JADUAL 1.37  
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PERBELANJAAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BBP TERLIBAT
1.	Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan mengikut tempoh ditetapkan.	AIM, BERNAMA, LPPKN, MKM, PPUM, UMK FAMA, LKIM dan LPPM
2.	Pelarasan tidak dibuat terhadap item yang tidak dapat disesuaikan dalam Penyata Penyesuaian Bank.	BERNAMA, MKM, MyIPO PPUM, FAMA, LKIM dan LPPM
3.	Bil tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari atau tempoh yang ditetapkan oleh Agensi dari tarikh ia diterima di Bahagian/ Unit Kewangan.	AIM, BERNAMA, FAMA LKIM, LPPM dan SEDA Malaysia
4.	Baucar bayaran/dokumen sokongan tidak ditebuk/cop telah bayar.	MyIPO, PPUM FAMA dan SEDA Malaysia
5.	Bil tidak didaftarkan.	PPUM, UMK dan LKIM

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh BBP adalah seperti berikut:

- **Maktab Koperasi Malaysia (MKM)**

AP 99 menyatakan bahawa baucar bayaran hendaklah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap serta disimpan dengan teratur dan selamat. Sebanyak 12 sampel Arahan Pembayaran berjumlah RM9,275 tidak disokong dengan resit teks, Grab dan parkir serta Penyata *Touch 'n Go*. Catatan hanya dibuat di ruangan "pengakuan resit tiada" pada borang tuntutan perjalanan pegawai.


- **Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA Malaysia)**

Tatacara Kewangan SEDA Malaysia menetapkan baucar bayaran dan cek hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa serta disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap dan diambil kira dalam akaun dengan betul. Sebanyak tiga (3) Arahan Pembayaran berjumlah RM26.11 juta dilakukan tanpa kelulusan dan tandatangan pegawai yang diberi kuasa, iaitu Pengerusi Anggota dan Ketua Pegawai Eksekutif SEDA Malaysia.

**f. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit**

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit menunjukkan lima (5) BBP mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) BBP pada tahap **Memuaskan**, tiga (3) BBP pada tahap **Kurang Memuaskan** dan dua (2) BBP pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian 13 BBP dalam Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.52**.

**CARTA 1.52  
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT  
BBP BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang Memuaskan ■ Tidak Memuaskan

- ii. Penilaian terhadap 24 kriteria Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit menunjukkan tiga (3) kriteria dipatuhi oleh kesemua BBP. Manakala terdapat ketidakpatuhan bagi dua (2) kriteria berisiko tinggi, 11 kriteria berisiko sederhana dan lapan (8) kriteria berisiko rendah. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko dalam Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit bagi 13 BBP adalah seperti **Carta 1.53**.

**CARTA 1.53**  
**TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO DALAM KAWALAN**  
**PENGURUSAN KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit adalah seperti **Jadual 1.38**.

**JADUAL 1.38**  
**PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG PINJAMAN**  
**DAN DEPOSIT**


BIL.	PENEMUAN AUDIT	BBP TERLIBAT
1.	Bayaran balik dan pelarasan pendahuluan pelbagai tidak dibuat mengikut tempoh ditetapkan.	BERNAMA, MKM, MyIPO, PPUM, UMK, UMP, FAMA, LKIM dan LPPM
2.	Bayaran balik pendahuluan diri tidak dibuat mengikut tempoh ditetapkan.	BERNAMA, MKM, UMK, UMP, FAMA, LKIM, SEDA Malaysia dan LPPM
3.	Daftar pendahuluan pelbagai tidak diselenggarakan dengan lengkap.	BERNAMA, MKM, PPUM, UMK, FAMA dan LPPM
4.	Denda/ Surcaj tidak dikenakan kepada pegawai bertanggungjawab terhadap pendahuluan pelbagai.	MyIPO, PPUM, UMK, UMP, LKIM dan LPPM
5.	Penalti tidak dikenakan kepada pegawai yang gagal membuat bayaran balik mengikut tempoh.	MKM, UMK, UMP dan LKIM

Sumber: Jabatan Audit Negara

## g. Pengurusan Aset dan Stor

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap Pengurusan Aset dan Stor menunjukkan empat (4) BBP mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) BBP pada tahap **Baik**, satu (1) BBP pada tahap **Memuaskan**, dua (2) BBP pada tahap **Kurang Memuaskan** dan tiga (3) BBP pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian 13 BBP dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.54**.

**CARTA 1.54**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN ASET DAN STOR BBP BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang Memuaskan ■ Tidak Memuaskan

- ii. Penilaian terhadap 98 kriteria Pengurusan Aset dan Stor menunjukkan 13 kriteria dipatuhi oleh kesemua BBP. Manakala terdapat ketidakpatuhan bagi 17 kriteria berisiko tinggi, 55 kriteria berisiko sederhana dan 13 kriteria berisiko rendah. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi 13 BBP adalah seperti **Carta 1.55**.

**CARTA 1.55  
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO  
DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR**



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti **Jadual 1.39**.

**JADUAL 1.39  
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BBP TERLIBAT
1.	Bincang perkara tidak mengikut agenda yang ditetapkan (JKPAK).	MKM, MyIPO, PPUM UMP, LKIM dan LPPM
2.	Senarai Aset Di Lokasi (KEW.PA-7) tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	BERNAMA, MKM, PPUM UMP, LKIM dan LPPM
3.	Pergerakan aset bagi tujuan pinjaman atau penempatan sementara tidak direkod pada Rekod Pinjaman Dan Pergerakan Aset Alih (KEW.PA-6).	BERNAMA, MKM, MyIPO PPUM, UMK dan LKIM
4.	Buku Log tidak diselenggara dengan lengkap.	BERNAMA, MKM MATRADE, UMP, FAMA LKIM dan SEDA Malaysia
5.	Ketua Agensi/Pegawai bertanggungjawab di peringkat Ibu Pejabat tidak menyediakan Laporan Awal Kehilangan Aset Alih Kerajaan (Lampiran J atau KEW.PA-28) dan kemukakan bersama salinan Laporan Polis kepada Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah dalam tempoh 2 hari bekerja atau tempoh yang ditetapkan oleh Agensi dari tarikh kehilangan.	BERNAMA, LPPKN, UMK UMP,FAMA dan SEDA Malaysia

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh BBP adalah seperti berikut:

- **Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)**

Kad *Touch 'n Go* tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan pada setiap masa disebabkan kad disimpan oleh pemandu.

- **Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - AM 2.4 menyatakan Pegawai Pengawal hendaklah melantik sekurang-kurangnya dua (2) Pegawai Pemeriksa Gred 19 ke atas dan tidak terlibat secara langsung dalam pengendalian aset alih berkenaan. Seramai empat (4) Pegawai Pemeriksa yang dilantik di Ibu Pejabat FAMA adalah pegawai daripada Unit Pengurusan Aset yang juga terlibat secara langsung dalam pengendalian aset alih.


- **Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - WP 4.1, Perenggan 9 menetapkan pegawai perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Ketua Jabatan berhubung jumlah kelayakan penggunaan bahan api bulanan berasaskan formula yang telah ditetapkan. Tiada kelulusan had penggunaan bahan api bulanan oleh Ketua Jabatan bagi kesemua empat (4) Kenderaan Rasmi Jawatan pegawai gred JUSA atau yang setaraf. Isu ini telah dibangkitkan pada tahun 2012 dan 2015.

#### **h. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman**

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman menunjukkan lapan (8) BBP mencapai tahap **Cemerlang**, dua (2) BBP pada tahap **Baik**, satu (1) BBP pada tahap **Memuaskan** dan dua (2) BBP pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian 13 BBP dalam Kawalan Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.56**.

**CARTA 1.56  
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN  
BBP BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang   ■ Baik   ■ Memuaskan   ■ Tidak Memuaskan

- ii. Penilaian terhadap 25 kriteria Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman menunjukkan lapan (8) kriteria dipatuhi oleh kesemua BBP. Manakala terdapat ketidakpatuhan bagi 10 kriteria berisiko tinggi, enam (6) kriteria berisiko sederhana dan satu (1) kriteria berisiko rendah. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko dalam Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi 13 BBP adalah seperti **Carta 1.57**.

**CARTA 1.57  
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO DALAM PENGURUSAN  
PELABURAN DAN PINJAMAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Empat (4) ketidakpatuhan tertinggi dalam Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman adalah seperti **Jadual 1.40**.

**JADUAL 1.40  
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BBP TERLIBAT
1.	Pengerusi dan ahli tidak dilantik.	PPUM, UMK dan SEDA Malaysia
2.	Mesyuarat tidak diadakan mengikut terma rujukan yang ditetapkan.	UMK dan SEDA Malaysia
3.	Polisi dan prosedur berkaitan pelaburan tidak disediakan.	MKM dan LPPM
4.	Bayaran balik pinjaman tidak dibuat mengikut jadual.	MKM dan LKIM

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- **Pengurusan Pelaburan**
  - **Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA Malaysia)**

Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011 (Akta 726) Seksyen 34 menyatakan wang SEDA Malaysia hendaklah, setakat yang tidak diperlukan untuk dibelanjakan di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan. Akta Tenaga Boleh Baharu (Akta 725) Seksyen 26(1) pula menyatakan wang daripada Kumpulan Wang hendaklah, setakat

yang wang itu tidak dikehendaki atau tidak serta-merta dikehendaki untuk dibelanjakan, dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan. Jawatankuasa Pelaburan diwujudkan untuk memastikan kecekapan pengurusan pelaburan dan perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan dan mengemukakan laporan kedudukan semasa pelaburan SEDA Malaysia kepada Jawatankuasa Kewangan.

Secara keseluruhannya, pengurusan pelaburan SEDA Malaysia adalah tidak teratur seperti berikut:

- a. Jawatankuasa Pelaburan yang dilantik tidak mempunyai surat pelantikan ahli jawatankuasa dan keahlian jawatankuasa hanya menggunakan Terma Rujukan Jawatankuasa Pelaburan dan *Job Description* (JD) sebagai asas kepada pelantikan Jawatankuasa Pelaburan.
  - b. Pelaburan jangka pendek berjumlah RM1.98 bilion dan Kumpulan Wang SEDA Malaysia sejumlah RM53 juta tidak mendapat kelulusan Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan tetapi hanya melalui memorandum cadangan pelaburan yang disediakan oleh urus setia dan diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa Pelaburan secara edaran.
  - c. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan tidak pernah diadakan.
- **Pengurusan Pelaburan**
    - **Maktab Koperasi Malaysia (MKM)**

Pelaburan dalam simpanan tetap MKM yang melebihi amaun RM300,000 memerlukan kelulusan seorang pegawai Kumpulan A dan dua (2) pegawai Kumpulan B atau tiga (3) pegawai Kumpulan A. Pelaburan simpanan tetap berjumlah RM4.50 juta hanya mendapat kelulusan Akauntan yang merupakan pegawai dari Kumpulan B, walaupun kuasa yang diberi kepada Akauntan hanya untuk menandatangani surat pelaburan dan pengeluaran simpanan tetap. Pelaburan berjumlah RM4.50 juta ini juga telah dipecah kecil menjadi 23 transaksi dengan setiap satunya berjumlah RM300,000 yang dibuat pada tarikh yang sama.

- **Pengurusan Pinjaman**  
- **Maktab Koperasi Malaysia (MKM)**

Akta Maktab Kerjasama Malaysia (Perbadanan) 1968 (Akta 437), Seksyen 6 menetapkan MKM perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan untuk membuat pinjaman wang bagi menjalankan fungsinya. Pinjaman *Qardhul Hassan* daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia berjumlah RM5 juta tidak mendapat kelulusan Kementerian Kewangan dan hanya dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah MKM.


- **Pengurusan Pinjaman**  
– **Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)**

Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 (Akta 49), Seksyen 4(1)(b) memperuntukkan kuasa kepada LKIM untuk mengadakan dan menyelia kemudahan kredit bagi pengeluaran ikan dan memastikan bahawa kemudahan tersebut digunakan sepenuhnya. Bayaran balik kemudahan kredit daripada sembilan (9) Persatuan Nelayan Kawasan berjumlah RM2.52 juta tidak mengikut jadual pembayaran seperti yang ditetapkan dalam perjanjian walaupun ia sepatutnya diselesaikan antara tahun 2005 hingga 2018.

**i. Penyata Kewangan**

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap elemen Penyata Kewangan menunjukkan tujuh (7) BBP mencapai tahap **Cemerlang**, empat (4) BBP pada tahap **Baik** dan dua (2) BBP pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian 13 BBP dalam elemen Penyata Kewangan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1.58**.

**CARTA 1.58**  
**TAHAP PRESTASI PENYATA KEWANGAN BBP BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang   ■ Baik   ■ Tidak Memuaskan

- ii. Penilaian terhadap 28 kriteria elemen Penyata Kewangan menunjukkan lima (5) kriteria dipatuhi oleh kesemua BBP. Manakala terdapat ketidakpatuhan bagi 20 kriteria berisiko tinggi dan tiga (3) kriteria berisiko sederhana. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko dalam elemen Penyata Kewangan bagi 13 BBP adalah seperti **Carta 1.59**.

**CARTA 1.59**  
**TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO DALAM ELEMEN PENYATA KEWANGAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Lima (5) ketidakpatuhan tertinggi dalam Pengurusan Penyata Kewangan adalah seperti **Jadual 1.41**.

**JADUAL 1.41**  
**PENEMUAN AUDIT DALAM ELEMEN PENYATA KEWANGAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BBP TELIBAT
1.	Modul di dalam dan luar sistem tidak berintegrasi dan bercirikan <i>single-point data entry</i> .	BERNAMA, LPPKN UMK dan SEDA Malaysia
2.	Sistem tidak mempunyai kemudahan perbankan elektronik bagi urusan pembayaran dan penerimaan.	BERNAMA, UMK dan SEDA Malaysia
3.	Penyata kewangan yang dikemukakan untuk diaudit mempunyai kesilapan persembahan, pengiraan dan angka.	LPPKN, MKM, MyIPO PPUM, UMP dan SEDA Malaysia
4.	Penyata kewangan sebelum diaudit tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah.	AIM, BERNAMA LPPKN dan MyIPO
5.	Penyerahan Laporan Tahunan ke Kementerian selepas 30 September.	AIM, BERNAMA MKM dan LKIM

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018 menetapkan garis panduan berkaitan tatacara pelaksanaan, pemantauan dan pematuhan SAGA bagi sistem aplikasi perakaunan dan kewangan di Agensi Kerajaan. Ini bagi memastikan penyata kewangan dapat disediakan dengan lebih cepat, tepat, kemas kini, berintegriti, mematuhi piawaian perakaunan yang diterima pakai serta memantapkan pengurusan perakaunan dan kewangan Agensi Kerajaan. Selain itu, pelaksanaan SAGA juga bagi memastikan keselamatan sistem, data dan maklumat terjamin dari aspek kerahsiaan integriti dan ketersediaan, iaitu data dan maklumat dilindungi, terpelihara, lengkap dan boleh diakses pada bila-bila masa.

**Terdapat lima (5) BBP yang masih belum memperoleh Sijil Pematuhan SAGA, iaitu BERNAMA, LPPKN, PPUM, UMK dan SEDA Malaysia.**

## 1.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Kementerian dan Jabatan bagi tahun 2018 berada pada tahap **Baik**. Manakala BBP pada tahap **Memuaskan** berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Kementerian, Jabatan dan BBP yang perlu meningkat dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan/BBP hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- 1.6.1** Amalan tadbir urus BBP dipertingkatkan dengan memastikan keberkesanan fungsi Jawatankuasa peringkat Lembaga Pengarah sebagaimana ditetapkan. Antara fungsi tersebut adalah pelantikan ahli Lembaga Pengarah, kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa peringkat Lembaga Pengarah bagi meluluskan perkara melibatkan operasi serta kelulusan pelaburan/pinjaman berdasarkan kehendak Akta Tubuh Agensi.
- 1.6.2** Menambah baik pengurusan pelaburan dengan mengeluarkan surat lantikan ahli Jawatankuasa Pelaburan, mengadakan mesyuarat pelaburan dan mendapatkan kelulusan sebelum pelaburan dibuat. Pengurusan pinjaman pula perlu ditambah baik dengan mendapatkan kelulusan sebelum pinjaman dibuat dan bayaran balik pinjaman dipantau rapi.
- 1.6.3** Memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
- 1.6.4** Pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;
- 1.6.5** Memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan.

- 1.6.6** Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;
- 1.6.7** Menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan
- 1.6.8** Melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

**Pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (IA) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Kementerian, Jabatan dan BBP adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.**

# PENGAUDITAN MENGEJUT

## 2. PENGAUDITAN MENGEJUT

### 2.1. PENDAHULUAN

2.1.1. Pengauditan Mengejut dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang menyatakan Ketua Audit Negara hendaklah mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun pegawai perakaunan Persekutuan dan Negeri, akaun mana-mana kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di sesuatu negeri atau Wilayah Persekutuan.

2.1.2. Seksyen 6 (a) Akta Audit 1957 juga menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya.

### 2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Pengauditan Mengejut adalah untuk menentukan sama ada Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Aset dan Stor, Barang Berharga (dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes) serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan yang berada di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab diakaunkan secara teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

### 2.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan Mengejut meliputi Kawalan Terimaan, Kawalan Barang Berharga, Pengurusan Kenderaan Kerajaan, Kawalan Perbelanjaan dan Kawalan Umum serta dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari atau tempoh masa yang sesuai. Pada tahun 2018, Pengauditan Mengejut telah dilaksanakan di 57 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) dan di 51 pejabat Badan Berkanun Persekutuan (BBP) melibatkan 15 Kementerian dan 27 BBP seperti **Jadual 2.1** dan **Jadual 2.2**. Senarai PTJ/PK adalah dalam **Lampiran A** manakala senarai pejabat Badan Berkanun adalah dalam **Lampiran B**.

**JADUAL 2.1**  
**PENGAUDITAN MENGEJUT DI PUSAT TANGGUNGJAWAB/PUSAT KOS**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2018**

BIL.	KEMENTERIAN	BILANGAN PTJ/PK YANG DIAUDIT
1.	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	6
2.	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS)	3
3.	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	1
4.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	3
5.	Kementerian Kerja Raya (KKR)	3
6.	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	2
7.	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	7
8.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)	1
9.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	3
10.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)	1
11.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	21
12.	Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)	1
13.	Kementerian Pertahanan (MINDEF)	3
14.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)	1
15.	Kementerian Sumber Manusia (KSM)	1
<b>JUMLAH</b>		<b>57</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

**JADUAL 2.2**  
**PENGAUDITAN MENGEJUT DI PEJABAT**  
**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2018**

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	BILANGAN PEJABAT YANG DIAUDIT
1.	Agensi Inovasi Malaysia (AIM)	1
2.	Bank Simpanan Nasional (BSN)	7
3.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	4
4.	Lembaga Getah Malaysia (LGM)	1
5.	Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)	4
6.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	1
7.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	3
8.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	1
9.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	1
10.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	1
11.	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	2
12.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	1
13.	Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat)	1
14.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	3
15.	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	3
16.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	4
17.	Majlis Sukan Negara (MSN)	1
18.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)	1
19.	Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)	1

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	BILANGAN PEJABAT YANG DIAUDIT
20.	Perbadanan Stadium Malaysia (PSM)	1
21.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	1
22.	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)	1
23.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	1
24.	Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)	1
25.	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)	1
26.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	1
27.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	3
<b>JUMLAH</b>		<b>51</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi Pengauditan Mengejut merangkumi semakan terhadap rekod-rekod kewangan dan temu bual dengan pihak Auditi. Pemeriksaan fizikal juga dilaksanakan terhadap wang tunai, aset dan stor, barang berharga (dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes) serta kenderaan. Pengauditan Mengejut dinilai berdasarkan 41 kriteria melibatkan 19 kriteria Kawalan Terimaan, empat (4) kriteria Kawalan Perbelanjaan, 10 kriteria Kawalan Barang Berharga, lima (5) kriteria Pengurusan Kenderaan Kerajaan, dan tiga (3) kriteria Kawalan Umum. Pengauditan Mengejut dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan dan jangka masa pengauditan kepada Auditi.

## 2.5. PENEMUAN AUDIT

### 2.5.1. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di PTJ/PK dan Pejabat yang Diaudit

Secara keseluruhannya, ketidakpatuhan kepada kriteria Pengauditan Mengejut adalah pada tahap 85.4% bagi PTJ/PK di bawah 15 Kementerian dan pada tahap 80.5% bagi 51 pejabat BBP. Butiran lanjut seperti **Jadual 2.3**.

**JADUAL 2.3**  
**TAHAP KETIDAKPATUHAN KRITERIA PENGAUDITAN MENGEJUT**

BIL.	KAWALAN	JUMLAH KRITERIA DINILAI	BILANGAN KETIDAKPATUHAN					
			PTJ/PK	KRITERIA	PERATUS (%)	PEJABAT BBP	KRITERIA	PERATUS (%)
1.	Terimaan	19	15	15	78.9	13	13	68.4
2.	Barang Berharga	10	38	10	100.0	30	10	100.0
3.	Pengurusan Kenderaan Kerajaan	5	11	5	100.0	5	3	60.0
4.	Perbelanjaan	4	10	2	50.0	9	4	100.0
5.	Umum	3	29	3	100.0	18	3	100.0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>41</b>	<b>-</b>	<b>35</b>	<b>85.4</b>	<b>-</b>	<b>33</b>	<b>80.5</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 2.5.2. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut mengikut Kawalan

### a. Kawalan Terimaan

Analisis Audit mendapati sebanyak 15 PTJ/PK tidak mematuhi 15 kriteria manakala sebanyak 13 pejabat BBP tidak mematuhi 13 kriteria Kawalan Terimaan. Ketidakpatuhan adalah seperti **Jadual 2.4**.

**JADUAL 2.4**  
**KETIDAKPATUHAN KAWALAN TERIMAAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	PTJ/PK	PEJABAT BBP
1.	Borang Hasil tidak dikeluarkan mengikut susunan nombor yang betul dan tidak direkodkan di Kew.68.	-	KKTM PJ (MARA); Taska Darul Hanan (MAIWP)
2.	Baki fizikal stok Borang Hasil berbeza dengan rekod dalam Daftar Borang Hasil.	Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) Klang; SMK Seksyen 24(2) Shah Alam; JKR Daerah Petaling; JKR Daerah Ulu Langat; JKR Daerah Gombak	KKTM PJ
3.	Stok Borang Hasil tidak disimpan di tempat berkunci dan selamat.	SMK Seksyen 24(2) Shah Alam	-
4.	Peranan dan capaian di sistem e-terimaan tidak selaras dengan penurunan kuasa.	SM Sains Alam Shah	PPHM; MPOB Wilayah Timur
5.	Daftar Mel/Laporan Mel tidak diselenggarakan oleh pegawai yang diberi kuasa dan selain daripada juruwang/pegawai yang menyediakan resit.	Institut Kemahiran dan Latihan Agensi Anti Dadah Kebangsaan Sepang (IKHLAS)	CIDB Negeri Melaka; PPHM; MPOB Wilayah Timur; PERKESO Melaka
6.	Resit rasmi/ kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai/Buku Tunai Elektronik pada hari yang sama.	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Johor	MPOB Wilayah Timur

BIL.	PENEMUAN AUDIT	PTJ/PK	PEJABAT BBP
7.	Resit rasmi tidak dikeluarkan bagi mengaku terimaan pada masa urusan dibuat dan direkodkan dalam buku tunai.	Sekolah Rendah Pendidikan Khas (SRPK Cacat Penglihatan)	FAMA Tawau
8.	Notis Pemberitahuan Orang Awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.	IKHLAS; IPD Putrajaya	LKIM Tawau; MPOB Wilayah Timur; Galeri Glulam MTIB, Tebrau; SWCorp; BSN Nilai
9.	Resit rasmi yang dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa secara bertulis.	SM Sains Alam Shah; SKPK Jalan Peel; SMK Victoria; SMK Seri Pantai; Istana Budaya; KISAS Klang	KKTM PJ; CIDB Negeri Melaka; LGM Wilayah Timur; FAMA Tawau; MPOB Wilayah Timur
10.	Resit rasmi tidak dikeluarkan secara bersiri.	Hospital Langkawi	CIDB Negeri Melaka
11.	Jumlah terimaan (Borang Denominasi Wang Kutipan) berbeza dengan resit manual/resit eTerimaan yang dikeluarkan.	-	FAMA Tawau
12.	Wang kutipan (kertas dan syiling melebihi RM500) /jumlah pungutan (wang kertas, syiling, cek, wang pos dan kiriman wang melebihi RM2,000) tidak dimasukkan ke dalam bank dengan segera tiap-tiap hari dengan menyemak tarikh cetakan bank dan penyata pemungut.	Hospital Langkawi	Pusat Kecemerlangan Paralimpik (MSN); FAMA Tawau
13.	Pungutan melalui cek dibayar masuk lewat dari satu (1) minggu daripada tarikh terima.	IKHLAS	-
14.	Wang kutipan tunai kurang daripada RM500 dan cek tidak disimpan di dalam peti besi atau bilik kebal.	IKHLAS	LKIM Tawau
15.	Tiada pengawal keselamatan/polis bantuan bagi mengiringi pegawai dalam kes mengguna kenderaan sendiri bagi memasukkan kutipan ke bank.	Hospital Langkawi	MPOB Wilayah Timur
16.	Tiada pengawal keselamatan bagi menjalankan tugas sebagaimana yang dipersetujui dalam kontrak perjanjian.	Hospital Langkawi	-
17.	Keterangan bertulis dari Pegawai Kanan Polis tidak diperoleh apabila eskot polis tidak dapat diadakan dan Ketua Jabatan tidak menguruskan supaya eskot diperoleh dari syarikat keselamatan swasta yang diluluskan.	Hospital Langkawi	-

Sumber: Jabatan Audit Negara

## b. Kawalan Barang Berharga

Analisis Audit mendapati sebanyak 38 PTJ/PK tidak mematuhi 10 kriteria. Manakala sebanyak 30 pejabat BBP tidak mematuhi 10 kriteria Kawalan Barang Berharga. Ketidakpatuhan adalah seperti **Jadual 2.5**.

**JADUAL 2.5**  
**KETIDAKPATUHAN KAWALAN BARANG BERHARGA**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	PTJ/PK	PEJABAT BBP
1.	Semua harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak/lewat didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan.	SRPK (Cacat Penglihatan); SM Teknik KL; SMK Victoria; SMK Seri Pantai; JKR Daerah Ulu Langat; JKR Daerah Gombak; Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Johor; JKM WPKL; JAKOA; SMAP Kajang; SRPK Selangor; SMK Jalan Reko; SMK Bandar Baru Bangi; SMK Jalan 3, Bandar Baru Bangi; SM Sains Banting; Depot Bukit Jalil.	IKM Alor Setar; LKIM Tawau; Pejabat LTH Tanjung Karang; Galeri Glulam MTIB Tebrau; LHDN Kuala Lumpur Bandar; Pejabat FELDA Pasoh 1; SUHAKAM, Pejabat MARA Daerah Kota Setar
2.	Aset tidak diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia/nombor siri.	SRPK (Cacat Penglihatan); SMK Victoria; SMK Seri Pantai; SS Bukit Jalil; JPJ UTCKL; SMK Seksyen 24(2) Shah Alam; JPPH Kuala Lumpur; IKHLAS; IPD Putrajaya; JKR Daerah Petaling; JKR Daerah Ulu Langat; JKR Daerah Gombak; Hospital Langkawi; JKM WPKL; JaPen WPKL; JAS Cawangan Kajang; SMAP Kajang; SRPK Selangor; SMK Jalan Reko; SMK Bandar Baru Bangi; SMK Jalan 3, Bandar Baru Bangi; Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil (DEPOT).	KKTM PJ; BSN Setiawangsa; BSN Ampang Point; Pejabat Mara Daerah Subang Jaya; SSM Kaunter Khidmat Pengguna KPDNKK Putrajaya; SSM Pudu; PERNAMA Banting; LKIM Tawau; FAMA Tawau; Galeri Glulam MTIB Tebrau; LHDN Kuala Lumpur Bandar; BSN Sentul; LHDN Hulu Langat; Pejabat Biro BERNAMA; Pejabat FELDA Pasoh 1; SUHAKAM, Klinik Nur Sejahtera Klang (LPPKN), BSN TTDI
3.	Aset yang dibeli tidak digunakan/tidak digunakan secara optimum.	SMK Victoria; Sekolah Sukan (SS) Bukit Jalil; JKR Daerah Gombak; Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Johor; JAS Cawangan Kajang.	SSM Pudu; SSM Cyberjaya; Galeri Glulam MTIB Tebrau
4.	Aset tidak disimpan di tempat yang selamat dan sesuai.	SMK Victoria; KISAS Klang	Galeri Glulam MTIB Tebrau; KWSP Seremban
5.	Pergerakan aset bagi tujuan pinjaman/penempatan sementara tidak direkodkan/tidak dikemas kini dalam KEW.PA-6 (Rekod Pinjaman & Pergerakan Aset Alih).	SRPK (Cacat Penglihatan); SM Teknik KL; SMK Victoria; SMK Seri Pantai; IKHLAS; JKR Daerah Gombak; Hospital Langkawi; JAKOA; SMAP Kajang; SMK Jalan Reko; SMK Jalan 3, Bandar Baru Bangi	KKTM PJ; Pusat Kecemerlangan Paralimpik; LKIM Tawau; Galeri Glulam MTIB Tebrau
6.	Penerimaan barang-barang dari pembekal Stor Pusat/Utama menggunakan Borang Terimaan Barang-Barang (BTB) KEW.PS-1 tidak disediakan oleh Pegawai Penerima dan tidak diperakukan oleh Pegawai Pengesah.	KV Kajang; SMK Victoria; SMK Seri Pantai; INSPEN; JPPH Kuala Lumpur; IKHLAS; JKR Daerah Gombak; Hospital Langkawi; Sekolah Seni; SMAP Kajang; SRPK Selangor	LKIM Tawau; Galeri Glulam MTIB Tebrau; AIM
7.	Stok barang-barang berharga dan menarik tidak disimpan di tempat yang sesuai dan selamat.	SMK Seri Pantai; JaPen WPKL; SMK Bandar Baru Bangi; JKR Daerah Petaling	Pejabat Mara Daerah Kota Setar; AIM
8.	Stok bertarikh luput tidak dilabel tarikh luput dan tidak menggunakan kad berwarna merah jambu.	JPPH Kuala Lumpur; IPD Putrajaya; ARKIB; Sekolah Seni; SMAP Kajang; SMK Jalan Reko	PERKESO Melaka

BIL.	PENEMUAN AUDIT	PTJ/PK	PEJABAT BBP
9.	Baki fizikal barang-barang stor barang berharga dan menarik tidak sama dengan baki terakhir di kad petak.	KV Kajang; SKPK Jalan Peel; SMK Victoria; SMK Seri Pantai; SS Bukit Jalil; JPJ UTCKL; KISAS Klang; SMK Seksyen 24(2) Shah Alam; JPPH Kuala Lumpur; IKHLAS; IPD Putrajaya; JMM; ARKIB; Hospital Langkawi, Kedah; AKMAL Melaka; JKM WPKL; JaPen WPKL; Sekolah Seni; SMAP Kajang; SRPK Selangor; JBS Negara; Sekolah Seri Puteri; SMK Bandar Baru Bangi; SMK Jalan 3, Bandar Baru Bangi; Bahagian Wang Tidak Dituntut (BWTD); Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)	KKTM PJ; SSM Kaunter Khidmat Pengguna KPDNKK Putrajaya; SSM Pudu; LKIM Tawau; Pejabat LTH Tanjung Karang; KWSP Shah Alam; Pejabat FELDA Serting Hilir 4; AIM; SUHAKAM
10.	Dokumen berharga tidak disimpan di dalam peti besi atau bilik kebal.	JPPH Kuala Lumpur	Pejabat FELDA Serting Hilir 4; Pejabat FELDA Pasoh 1; Pejabat FELDA Lui Barat

Sumber: Jabatan Audit Negara

### c. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Analisis Audit mendapati sebanyak 11 PTJ/PK tidak mematuhi lima (5) kriteria. Manakala sebanyak lima (5) pejabat BBP tidak mematuhi tiga (3) kriteria Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Ketidakpatuhan adalah seperti **Jadual 2.6**.

**JADUAL 2.6**  
**KETIDAKPATUHAN PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	PTJ/PK	PEJABAT BBP
1.	Bacaan odometer pada kenderaan tidak bersamaan dengan buku log.	JAS Cawangan Kajang; JBS Negara; Depot Bukit Jalil	Pejabat FELDA Lui Barat; AIM; MySihat
2.	Kad Inden tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan (Pemegang Kad) setiap masa (kecuali Kad Inden Pegawai Gred JUSA C dan ke atas).	JKM WPKL; JAKOA; JaPen WPKL	-
3.	Pegawai kenderaan tidak mengemas kini Buku Rekod Pergerakan Kad Inden apabila ada keperluan untuk mengisi minyak oleh pemandu.	JKM WPKL; JAKOA; JaPen WPKL; JAS Cawangan Kajang; SMAP Kajang; JBS; Sekolah Seri Puteri; SMPKV Shah Alam; SMK Jalan 3, Bandar Baru Bangi; Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)	Pejabat FELDA Pasoh 1; Pejabat FELDA Lui Barat; MySihat; SUHAKAM
4.	Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) dan <i>SmartTAG</i> bagi kenderaan Jabatan tidak disimpan selamat oleh pegawai kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan menggunakannya.	JKM WPKL; JAKOA; JaPen WPKL	-
5.	Pegawai kenderaan tidak mengemas kini Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR apabila ada keperluan untuk membuat bayaran tol oleh pemandu.	JKM WPKL; JAKOA; JaPen WPKL; JAS Cawangan Kajang; SMAP Kajang; Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBS); Sekolah Seri Puteri; SMPKV Shah Alam; BPAD; Depot Bukit Jalil	MySihat; SUHAKAM

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### d. Kawalan Perbelanjaan

Analisis Audit mendapati sebanyak 10 PTJ/PK tidak mematuhi dua (2) kriteria Kawalan Perbelanjaan. Manakala sembilan (9) pejabat BBP tidak mematuhi empat (4) kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan. Ketidakpatuhan adalah seperti **Jadual 2.7**.

**JADUAL 2.7**  
**KETIDAKPATUHAN KAWALAN PERBELANJAAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	PTJ/PK	PEJABAT BBP
1.	Baki fizikal wang PWR berbeza dengan baki rekod di Buku Tunai PWR.	SM Sains Alam Shah; SMK Seri Pantai; Mahkamah Sesyen/Majistret Johor Bahru; INSPEN; JKR Daerah Petaling; JKM WPKL; JAKOA; SMAP Kajang; Sekolah Rendah Pendidikan Khas (SRPK) Selangor; Sekolah Seri Puteri	KKTM PJ; Pejabat MARA Daerah Subang Jaya; SKM Pulau Pinang; Pejabat Biro BERNAMA; Pejabat FELDA Lui Barat
2.	Wang yang dibayar berbeza dengan jumlah pada resit yang dituntut.	Mahkamah Sesyen/Majistret Johor Bahru	KKTM PJ; Pejabat FELDA Pasoh 1
3.	Tuntutan perjalanan dibayar daripada PWR.	-	IKM Alor Setar; Pejabat MARA Daerah Kota Setar; Pejabat Biro BERNAMA; Pejabat FELDA Pasoh 1
4.	Panjar Wang Runcit tidak disimpan dengan selamat.	-	AIM

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### e. Kawalan Umum

Analisis Audit mendapati 29 PTJ/PK dan 18 pejabat BBP tidak mematuhi tiga (3) kriteria dalam Kawalan Umum. Ketidakpatuhan adalah seperti **Jadual 2.8**.

**JADUAL 2.8**  
**KETIDAKPATUHAN KAWALAN UMUM**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	PTJ/PK	PEJABAT BBP
1.	Kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang pegawai yang sama dan tidak diberikan kuasa.	KV Kajang; SKPK Jalan Peel; SRPK (Cacat Penglihatan); SMK Victoria; SMK Seri Pantai; JPPH Kuala Lumpur; JKR Daerah Petaling; Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Johor; JKM WPKL; JAKOA; SMAP Kajang; SRPK Selangor; BPAD; Depot Bukit Jalil	Pusat Kecemerlangan Paralimpik; Pejabat Daerah MARA Subang Jaya; PERKESO Melaka; PPHM; FAMA Tawau; LHDN Kuala Lumpur Bandar; LHDN Cheras; Pejabat FELDA Serting Hilir 4; AIM; MySihat; SUHAKAM
2.	Barang bernilai/rampasan/ekshibit/artifak tidak disimpan di tempat yang selamat, dalam keadaan baik dan tidak berlaku kehilangan.	SKPK Jalan Peel	AIM

BIL.	PENEMUAN AUDIT	PTJ/PK	PEJABAT BBP
3.	Ketua Jabatan melakukan Pemeriksaan Mengejut melebihi tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga.	KV Kajang; SM Sains Alam Shah; SKPK Jalan Peel; SMK Seri Pantai; KV Sepang; JPJ UTCKL; Istana Budaya; Jabatan Insolvency Malaysia, Cawangan Johor Bahru; JKR Daerah Petaling; JKR Daerah Ulu Langat; JKR Daerah Gombak; Jabatan Muzium Malaysia (JMM); Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Johor; Hospital Langkawi, Kedah; JKM WPKL; JAKOA; Sekolah Seni; SMAP Kajang; SRPK Selangor; Sekolah Seri Puteri; SMPKV Shah Alam; SMK Bandar Baru Bangi; SMK Jalan 3, Bandar Baru Bangi; BPAD; Depot Bukit Jalil.	KKTM PJ; Pusat Kecemerlangan Paralimpik; Pejabat Daerah MARA Subang Jaya; PERKESO Melaka; SSM Cyberjaya; PPHM; MPOB Wilayah Timur; Galeri Glulam MTIB Tebrau; Pejabat Biro BERNAMA; Pejabat FELDA Serting Hilir 4; Pejabat FELDA Pasoh 1; Pejabat FELDA Lui Barat; AIM; MySihat

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 2.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di PTJ/PK dan pejabat BBP menunjukkan aspek pematuhan kepada peraturan kewangan masih tidak memuaskan. Ketua PTJ/PK/BBP yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai penemuan Audit dan maklum balas telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan telah diambil antaranya mengemas kini rekod dan meningkatkan kawalan dalaman bagi mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Ketua PTJ/PK/BBP serta pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan hendaklah memastikan perkara berikut:

- 2.6.1. Semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- 2.6.2. Perkara yang dibangkitkan diambil tindakan korektif dan preventif;
- 2.6.3. Mempertingkatkan seliaan/pemantauan berkala terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai berkenaan;
- 2.6.4. Surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas kewangan;
- 2.6.5. Pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan Arahan Perbendaharaan 309;

- 2.6.6. Memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kewangan; dan
- 2.6.7. Mengenakan tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan.

**Ketua PTJ/PK/BBP diingatkan bahawa Pengauditan Mengejut adalah berdasarkan sampel sahaja. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan PTJ/PK/BBP untuk memberi perhatian kepada kelemahan sistem, prosedur dan kawalan dalaman secara keseluruhannya dan tidak hanya mengambil tindakan terhadap apa yang dibangkitkan oleh pihak Audit sahaja.**



# 2

## • **BAHAGIAN II**

- **PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PENILAIAN KHAS BAGI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM**



# **PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PENILAIAN KHAS BAGI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM**

## **3. PENILAIAN KHAS TERHADAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI**

Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) bagi pengesahan jawatan. Bagi tahun 2018, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan 27 Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan/Ketua Agensi. Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di bawah kawalan pegawai berkekaan adalah baik. Penglibatan Jabatan Audit Negara membuat penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pengukuhan pengurusan kewangan Kerajaan memandangkan pegawai yang dinilai itu akan memastikan pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti di bawah jagaan mereka dibuat dengan lebih berakauntabiliti dan berintegriti.





• **PENUTUP**



## PENUTUP

Pada tahun 2018, sebanyak 16 Kementerian mencapai tahap Cemerlang dalam penilaian Indeks Akauntabiliti dan lapan (8) Kementerian mencapai tahap Baik. Prestasi pengurusan kewangan di 15 jabatan telah mencapai tahap Cemerlang dan dua (2) di tahap Baik. Manakala prestasi pengurusan kewangan di 13 Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit secara pusingan lima (5) tahun, menunjukkan tiga (3) berada pada tahap Cemerlang, empat (4) BBP pada tahap Baik, lima (5) BBP pada tahap Memuaskan dan satu (1) BBP pada tahap Kurang Memuaskan.

Prestasi pengurusan kewangan ini boleh dipertingkatkan sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan itu, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan mengambil tindakan seperti berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan di Jabatan serta Pusat Tanggungjawab di bawah kawalannya untuk memastikan tindakan pembetulan diambil sekiranya berlaku kelemahan yang sama seperti dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu sahaja;
- b. Bagi memperbaiki lagi tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut;
- c. Kementerian/Jabatan perlu memperkasakan peranan Unit Audit Dalam (UAD) antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan perlu disediakan dengan teliti supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak dan *outcome* kepada organisasi;

- d.** Isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara hendaklah dibincangkan dengan terperinci dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit. Mesyuarat juga hendaklah membincangkan tindakan *corrective* dan *preventive* yang akan diambil bagi memastikan isu yang sama tidak berulang lagi;
- e.** Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Agensi hendaklah mempengerusikan setiap *Exit Conference* bersama pegawai Jabatan Audit Negara supaya isu yang dibangkitkan diketahui lebih awal dan segera mengambil tindakan positif selain usaha penambahbaikan;
- f.** Jabatan Akauntan Negara Malaysia memainkan peranan yang penting dalam memantapkan pengurusan kewangan Kerajaan iaitu dengan memastikan Unit Nazirannya menjalankan pemeriksaan di Pusat Tanggungjawab secara terancang;
- g.** Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance*, menjalankan pusingan tugas, pemantauan yang rapi dan menjalankan pemeriksaan mengejut, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dalam bidang pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang berpengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan; dan
- h.** Rekod mengenai aset sentiasa dikemaskinikan oleh Kementerian dan Jabatan sebagai persiapan Kerajaan Persekutuan ke arah pelaksanaan perakaunan berasaskan akruan.

Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
24 Jun 2019



# • AKRONIM



# AKRONIM

<b>AGC</b>	Jabatan Peguam Negara
<b>AIM</b>	Agensi Inovasi Malaysia
<b>AP</b>	Arahan Perbendaharaan
<b>BBP</b>	Badan Berkanun Persekutuan
<b>BERNAMA</b>	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia
<b>FAMA</b>	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
<b>GPIS</b>	<i>Government Procurement Information System</i>
<b>ICU</b>	Unit Penyelarasan Pelaksanaan
<b>ISSAI</b>	<i>The International Standards of Supreme Audit Institutions</i>
<b>JANM</b>	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
<b>JIM</b>	Jabatan Imigresen Malaysia
<b>JKDM</b>	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
<b>JKR</b>	Jabatan Kerja Raya
<b>JKSM</b>	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
<b>JPA</b>	Jabatan Perkhidmatan Awam
<b>JPJ</b>	Jabatan Pengangkutan Jalan
<b>JPKA</b>	Jawtankuasa Pengurusan Akaun dan Kewangan
<b>JPM</b>	Jabatan Perdana Menteri
<b>JPS</b>	Jabatan Pengairan dan Saliran
<b>JPT</b>	Jabatan Pendidikan Tinggi
<b>JTPK</b>	Jawtankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian
<b>JUSA</b>	Jawatan Utama Sektor Awam
<b>KATS</b>	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli
<b>KBS</b>	Kementerian Belia dan Sukan
<b>KDN</b>	Kementerian Dalam Negeri
<b>KKM</b>	Kementerian Kesihatan Malaysia
<b>KKMM</b>	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)
<b>KKR</b>	Kementerian Kerja Raya
<b>KLN</b>	Kementerian Luar Negeri
<b>KPDNHEP</b>	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
<b>KPKT</b>	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
<b>KPLB</b>	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>KPWKM</b>	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
<b>KSBTTR</b>	Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit
<b>KWP</b>	Kementerian Wilayah Persekutuan
<b>LKIM</b>	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
<b>LPPKN</b>	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
<b>LPPM</b>	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia
<b>MAMPU</b>	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
<b>MATRADE</b>	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
<b>MEA</b>	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
<b>MESTEC</b>	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
<b>MINDEF</b>	Kementerian Pertahanan Malaysia
<b>MITI</b>	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
<b>MKM</b>	Maktab Koperasi Malaysia
<b>MOA</b>	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
<b>MOF</b>	Kementerian Kewangan Malaysia
<b>MOHR</b>	Kementerian Sumber Manusia
<b>MOT</b>	Kementerian Pengangkutan
<b>MOTAC</b>	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
<b>MPI</b>	Kementerian Industri Utama
<b>MyIPO</b>	Perbadanan Harta Intelek Malaysia
<b>PDRM</b>	Polis Diraja Malaysia
<b>PK</b>	Pusat Kos
<b>PP</b>	Pegawai Penerima
<b>PPUM</b>	Pusat Perubatan Universiti Malaya
<b>PSUP Sabah</b>	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah
<b>PSUP Sarawak</b>	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak
<b>PTJ</b>	Pusat Tanggungjawab
<b>PWR</b>	Panjar Wang Runcit
<b>SEDA Malaysia</b>	Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia
<b>SPP II</b>	Sistem Pemantauan Projek II
<b>SPRM</b>	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
<b>SST</b>	Surat Setuju Terima
<b>UAD</b>	Unit Audit Dalam
<b>UKAS</b>	Unit Kerjasama Awam Swasta
<b>UMK</b>	Universiti Malaysia Kelantan
<b>UMP</b>	Universiti Malaysia Pahang





# • LAMPIRAN



**LAMPIRAN A**

**SENARAI PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)/  
PUSAT KOS (PK) YANG DI AUDIT DI BAWAH 15 KEMENTERIAN**

<b>BIL.</b>	<b>KEMENTERIAN/PTJ/PK</b>	<b>BILANGAN PTJ/PK YANG DIAUDIT</b>
1.	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	6
	a. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan	
	b. Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor	
	c. Jabatan Insolvency Malaysia Cawangan Johor Bahru	
	d. Jabatan Insolvency Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	
	e. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)	
	f. Mahkamah Sesyen/Majistret Johor Bahru	
2.	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS)	3
	a. Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kajang	
	b. Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM)	
	c. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGKL)	
3.	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	1
	a. Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBS)	
4.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	3
	a. Depot Tahanan Imigresen (DEPOT) Bukit Jalil	
	b. Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya (IPD Putrajaya)	
	c. Institut Kemahiran dan Latihan Agensi Anti Dadah Kebangsaan Sepang (IKHLAS)	
5.	Kementerian Kerja Raya (KKR)	3
	a. Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Gombak	
	b. Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Hulu Langat	
	c. Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Petaling	
6.	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	2
	a. Hospital Langkawi, Kedah	
	b. Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Johor	
7.	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	7
	a. Akademi Kastam DiRaja Malaysia (AKMAL) Melaka	
	b. Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)	
	c. Bahagian Wang Tidak Dituntut (BWTD)	
	d. Institut Penilaian Negara (INSPEN)	
	e. Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) (Ibu Pejabat)	
	f. Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kuala Lumpur	
	g. Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)	
8.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)	1
	a. Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JaPen WPKL)	
9.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	3
	a. Arkib Negara Malaysia (ARKIB)	
	b. Jabatan Muzium Malaysia (JMM)	
	c. Istana Budaya	

BIL.	KEMENTERIAN/PTJ/PK	BILANGAN PTJ/PK YANG DIAUDIT
10.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)	1
	a. Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKM WPKL)	
11.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	21
	a. Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang (KISAS Klang)	
	b. Kolej Vokasional Kajang (KV Kajang)	
	c. Kolej Vokasional Sepang (KV Sepang)	
	d. Kolej Vokasional Shah Alam (KV Shah Alam)	
	e. Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Jalan Peel (SKPK Jalan Peel)	
	f. Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang (SMAP Kajang)	
	g. Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Baru Bangi	
	h. SMK Jalan 3, Bandar Baru Bangi (SMK Jalan 3 Bandar Baru Bangi)	
	i. SMK Jalan Reko (SMK Jalan Reko)	
	J. SMK Seksyen 24(2), Shah Alam	
	k. SMK Seri Pantai	
	l. SMK Victoria	
	m. SM Sains Alam Shah	
	n. SM Sains Banting	
	o. SM Teknik Kuala Lumpur (SM Teknik KL)	
	p. Sekolah Rendah Pendidikan Khas Selangor (SRPK Selangor)	
	q. Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Cacat Penglihatan) (SRPK (Cacat Penglihatan))	
	r. Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur (Sekolah Seni)	
	s. Sekolah Seri Puteri Cyberjaya (Sekolah Seri Puteri)	
	t. Sekolah Sukan Bukit Jalil (SS Bukit Jalil)	
	u. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam (SMPKV Shah Alam)	
12.	Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)	1
	a. Jabatan Pengangkutan Jalan, UTC Kuala Lumpur (JPJ, UTCKL)	
13.	Kementerian Pertahanan (MINDEF)	3
	a. Bahagian Akaun, Wisma Pertahanan	
	b. Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Pertahanan Malaysia (BKP MINDEF)	
	c. Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Pertahanan Malaysia (BPM MINDEF)	
14.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)	1
	a. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)	
15.	Kementerian Sumber Manusia (KSM)	1
	a. Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPP)	
<b>JUMLAH</b>		<b>57</b>

**SENARAI PEJABAT YANG DIAUDIT  
DI BAWAH 27 AGENSI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

<b>BIL.</b>	<b>BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN</b>	<b>BILANGAN PEJABAT YANG DIAUDIT</b>
1.	Agensi Inovasi Malaysia (AIM)	1
	a. AIM Ibu Pejabat	
2.	Bank Simpanan Nasional (BSN)	7
	a. BSN Ampang Point	
	b. BSN Gombak	
	c. BSN Nilai	
	d. BSN Sentul	
	e. BSN Setiawangsa	
	f. BSN Taman Tun Dr Ismail	
	g. BSN Wangsa Maju	
3.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	4
	a. KWSP Nilai	
	b. KWSP Seremban	
	c. KWSP Shah Alam	
	d. KWSP Wangsa Maju	
4.	Lembaga Getah Malaysia (LGM)	1
	a. LGM Wilayah Timur	
5.	Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)	4
	a. LHDN Cheras	
	b. LHDN Klang	
	c. LHDN Kuala Lumpur Bandar	
	d. Pusat Kutipan Hasil LHDN Hulu Langat	
6.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	1
	a. Pejabat LKIM, Tawau	
7.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	3
	a. Pejabat FELDA Lui Barat	
	b. Pejabat FELDA Pasoh 1	
	c. Pejabat FELDA Serting, Hilir 4	
8.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	1
	a. MPOB Wilayah Timur	
9.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	1
	a. FAMA Tawau	
10.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	1
	a. CIDB Negeri Melaka	
11.	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	2
	a. Klinik Nur Sejahtera Klang	
	b. Klinik Nur Sejahtera Putrajaya	
12.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	1
	a. Galeri Glulam MTIB Tebrau	

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	BILANGAN PEJABAT YANG DIAUDIT
13.	Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat)	1
	a. MySihat	
14.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	3
	a. Pejabat LTH Bangi	
	b. Pejabat LTH Sungai Besar	
	c. Pejabat LTH Tanjung Karang	
15.	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	3
	a. Pusat Agihan Zakat (PAZA) Setiawangsa	
	b. Pusat Agihan Zakat (PAZA) Wangsa Maju	
	c. Taska Darul Hanan	
16.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	4
	a. Institut Kemahiran MARA Alor Setar (IKM)	
	b. Kolej Kemahiran Tinggi MARA Petaling Jaya (KKTM PJ)	
	c. Pejabat MARA Daerah Kota Setar	
	d. Pejabat MARA Daerah Subang Jaya	
17.	Majlis Sukan Negara (MSN)	1
	a. Pusat Kecemerlangan Paralimpik	
18.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)	1
	a. SWCorp Negeri Sembilan	
19.	Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)	1
	a. PPHM	
20.	Perbadanan Stadium Malaysia (PSM)	1
	a. Kompleks Sukan Jalan Duta	
21.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	1
	a. Pejabat PTPTN Negeri Sembilan	
22.	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)	1
	a. Pejabat Biro BERNAMA	
23.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	1
	a. Pejabat PERKESO Melaka	
24.	Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)	1
	a. PERNAMA Banting	
25.	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)	1
	a. SUHAKAM	
26.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	1
	a. SKM Pulau Pinang	
27.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	3
	a. SSM Cyberjaya	
	b. SSM Pudu	
	c. SSM Kaunter Khidmat Pengguna KPDNKK Putrajaya	
<b>JUMLAH</b>		<b>51</b>



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2019  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773







**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**

NO. 15, ARAS 1- 5

PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62518 PUTRAJAYA

**[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)**